

**Taqiyuddin an-Nabhani**

**MAFAHIM**  
**HIZBUT TAHRIR**  
(Edisi Mu'tamadah)

**Dikeluarkan Oleh:**

**HIZBUT TAHRIR**



مفاهيم  
عزب التحرير

## **MAFAHIM HIZBUT TAHRIR**

Sejak pertengahan abad 12 Hijriah (ke-18 Masihi) dunia Islam telah mengalami kemerosotan dengan sangat cepat dan kemunduran yang paling buruk daripada masa kejayaannya. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk membangkitkannya kembali atau sekurang-kurangnya mencegah supaya kemerosotan dan kemundurannya tidak berterusan, tetapi tiada satu pun usaha-usaha tersebut yang berjaya. Dunia Islam masih tetap berada dalam kebingungan di tengah-tengah kegelapan akibat kekacauan dan kemunduran, dan masih terus merasakan pedihnya kemunduran dan pelbagai goncangan.

Penyebab kemunduran dunia Islam berpunca daripada satu perkara, iaitu kelemahan yang amat parah yang menghancurkan kemampuan berfikir umat dalam memahami

Islam. Ini bermula sejak awal abad ke 7 Hijriah ketika peranan bahasa Arab untuk memahami Islam telah diremehkan, sehingga kekuatan yang dimiliki oleh bahasa Arab telah terpisah daripada kekuatan Islam. Selagi kekuatan yang dimiliki bahasa Arab tidak disatukan dengan kekuatan Islam, iaitu dengan cara menempatkan bahasa Arab —yang merupakan bahasa Islam— sebagai unsur yang sangat penting yang tidak boleh dipisahkan daripada Islam, maka kemunduran itu akan tetap melanda kaum Muslimin. Hal ini demikian kerana bahasa Arab memiliki kekuatan besar yang telah bersama-sama mengembangkan kekuatan Islam. Islam dan bahasa Arab merupakan satu kesatuan. Islam tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna kecuali dengan bahasa Arab. Meremehkan bahasa Arab akan menghilangkan ijtihad terhadap syariat, kerana ijtihad terhadap syariat tidak mungkin dilaksanakan tanpa dipenuhi salah satu syarat asasnya iaitu

bahasa Arab. Kedudukan ijtihad itu sendiri sangat penting bagi umat Islam, sehingga umat tidak akan memperoleh kemajuan tanpa ijtihad.

Seterusnya, kegagalan pelbagai usaha untuk membangkitkan kaum Muslimin membawa kepada tiga sebab. Pertama, tiada kefahaman yang mendalam mengenai *fikrah Islamiyah* dalam kalangan para aktivis kebangkitan Islam. Kedua, tiada gambaran yang jelas mengenai *thariqah* (metodologi) *Islamiyah* dalam menerapkan *fikrah*. Ketiga, tiada usaha untuk menghubungkan *fikrah Islamiyah* dengan *thariqah Islamiyah* sebagai satu hubungan yang padu, yang tidak boleh dipisahkan.

Apabila kita telusuri mengenai *fikrah*, ternyata banyak unsur-unsur terselubung telah menyelinap masuk ke dalam *fikrah Islamiyah* yang tidak banyak diketahui secara terperinci oleh sebahagian besar kaum Muslimin. Unsur-unsur

terselubung ini mulai menyusup sejak awal abad kedua Hijriah hingga munculnya era penjajahan.

Falsafah-falsafah asing seperti falsafah India, Parsi dan Yunani telah mempengaruhi sebahagian kaum Muslimin dan usaha untuk mengkompromikan Islam dengan falsafah ini telah menjerumuskan mereka ke dalam kesalahan. Walhal jelas, falsafah-falsafah ini bertentangan secara keseluruhan dengan Islam. Usaha-usaha untuk mengkompromikan Islam dengan falsafah-falsafah ini telah membawa kepada interpretasi dan penjelasan yang salah dan mengelirukan serta menghilangkan sebahagian daripada hakikat Islam yang sebenarnya, atau paling tidak melemahkan pemahaman Islam daripada minda kaum Muslimin. Lebih daripada itu, sekumpulan orang yang menyimpan perasaan dendam dan benci terhadap Islam telah berpura-pura memeluk Islam dan mula memperkenalkan konsep-konsep yang asing, bahkan sangat bertentangan dengan

Islam. Perkara ini melahirkan kesalahan pemahaman terhadap Islam dalam diri sebahagian besar umat dan ditambah lagi dengan kelalaian umat terhadap penguasaan bahasa Arab dalam pengembangan Islam yang terjadi pada abad 7 Hijriah. Faktor-faktor inilah yang mendorong kemunduran kaum Muslimin. Sementara itu, sejak akhir abad 11 Hijriah (abad ke-17 Masihi) hingga kini, kemunculan *ghazwu ats-tsaqafi* (serangan budaya), kristianisasi dan serangan politik yang datang dari Barat semakin menambah duka kemerosotan, sekaligus menjadi masalah baru dalam masyarakat Islam. Faktor-faktor tersebut memberikan pengaruh yang cukup besar terhadap kesalahan kaum Muslimin mengenai *fikrah Islamiyah*, sehingga melenyapkan kejernihan *fikrah Islamiyah* yang hakiki daripada minda kaum Muslimin.

Berkenaan *thariqah Islamiyah* pula, umat Islam secara beransur-ansur telah kehilangan gambaran yang jelas



mengenainya. Dahulu, kaum Muslimin mengetahui bahawa kewujudan dirinya dalam kehidupan ini hanya untuk Islam sahaja; dan bahawa tugas *Daulah Islamiyah* adalah untuk menerapkan Islam, melaksanakan hukum-hukum Islam di dalam negara serta menyebarkan dakwah Islam ke luar negara; dan kaedah praktikal untuk merealisasikannya adalah dengan jihad yang dilakukan oleh negara. Namun demikian, dapat kita katakan bahawa umat Islam —setelah mengetahui semua itu— mula berpandangan bahawa tugas seorang Muslim di dunia ini adalah untuk mencari kesenangan dunia terlebih dahulu, kemudian barulah melakukan tugas yang kedua iaitu menyampaikan nasihat dan petunjuk. Itu pun jika keadaannya mengizinkan. Di samping itu, negara sudah tidak mempedulikan lagi kesalahan dan kelalaiannya dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam. Negara juga tidak lagi merasa bersalah dengan melalaikan tugas jihad *fi sabilillah*

untuk menyebarkan Islam. Keadaan kaum Muslimin pula setelah kehilangan negaranya –di samping kekurangan dan kelemahannya-, beranggapan bahawa kebangkitan Islam dapat dicapai kembali dengan cara membangunkan masjid-masjid, menerbitkan buku-buku, tulisan atau karangan, serta dengan mendidik akhlak. Sementara pada masa yang sama, mereka tetap berdiam diri terhadap kepemimpinan kufur yang menguasai dan menjajah mereka.

Ini dilihat dari aspek *fikrah* (konsep) dan *thariqah* (metodologi penerapan). Sedangkan jika dilihat kepada hubungan antara *fikrah* dan *thariqah*, kaum Muslimin hanya memerhatikan hukum-hukum syariat yang berkaitan dengan penyelesaian masalah kehidupan dalam aspek *fikrah* sahaja. Mereka tidak lagi memerhatikan hukum-hukum yang menjelaskan cara praktikal penyelesaian masalah tersebut, iaitu perkara yang menjelaskan *thariqah*. Pandangan seperti ini

menjadikan kaum Muslimin hanya menitikberatkan pada hukum-hukum syariat dengan meninggalkan *thariqah* (metodologi) perlaksanaannya. Mereka lebih banyak memfokuskan perhatian kepada mempelajari hukum-hukum yang berkaitan dengan masalah solat, puasa, nikah, dan talak, sedangkan mempelajari hukum-hukum yang berkaitan dengan jihad, *ghanimah* (harta rampasan perang), hukum-hukum yang berkaitan Khilafah, *qadha'* (peradilan), hukum-hukum tentang *kharaj* dan sebagainya dilalaikan. Cara mempelajari Islam seperti ini dengan sendirinya telah memisahkan antara *fikrah* dengan *thariqah*, antara teori dan amalan, sehingga hasilnya ialah kemustahilan penerapan *fikrah* kerana tidak disertai dengan *thariqah*-nya.

Semua itu menjadi lebih parah lagi dengan munculnya kesalahan dalam pemahaman syariat Islam yang diterapkan dalam masyarakat di penghujung abad ke-13 Hijriah (ke-19

Masihi). Islam telah ditafsirkan tidak selaras dengan isi kandungan nas-nasnya, dengan tujuan supaya dapat disesuaikan dengan keadaan masyarakat yang ada ketika itu. Sedangkan apa yang semestinya, masyarakatlah yang perlu diubah supaya sesuai dengan Islam, bukan sebaliknya. Dengan kata lain, bukan dengan membuat interpretasi baru mengenai Islam supaya sesuai dengan keadaan masyarakat. Alasannya kerana yang menjadi isu ialah adanya masyarakat yang rosak dan hendak diperbaiki dengan suatu *mabda'* (ideologi). *Mabda'* ini mesti diterapkan sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh *mabda'* itu sendiri, kemudian mengubah masyarakat seluruhnya secara *inqilabi* (revolusioner) berdasarkan *mabda'* tersebut. Dengan kata lain, menjadi suatu kemestian bagi para aktivis yang hendak memperbaiki masyarakat untuk menerapkan hukum-hukum Islam sesuai dengan makna ajaran yang sebenarnya, tanpa dipengaruhi keadaan masyarakat, waktu, mahupun

tempat. Namun kenyataannya, mereka tidak berbuat demikian. Mereka malah melangkah lebih jauh dengan menginterpretasikan hukum-hukum Islam supaya sesuai dengan keadaan sekarang. Bahkan kesalahan yang mereka lakukan sudah melampaui batas, baik dalam masalah umum mahupun dalam perkara yang khusus.

Mereka mengeluarkan kaedah-kaedah *kulliyat* (umum) dan hukum-hukum yang terperinci sesuai dengan pandangan tersebut. Misalnya dengan membuat kaedah umum yang salah seperti:

«لَا يَنْكَرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الزَّمَانِ»

*“Tidak ditolak adanya perubahan terhadap hukum, dengan adanya perubahan zaman”*,

atau:

«الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ»

*“Adat-istiadat dapat dijadikan tanda aras hukum”*.

Terdapat juga kaedah-kaedah yang lain lagi (yang berkenaan).

Di samping itu, mereka mengeluarkan fatwa tentang hukum-hukum yang tidak berlandaskan hukum syarak, malah bertentangan dengan nas al-Quran yang *qath'ie*. Mereka menghalalkan riba yang nilai bunganya kecil dengan alasan asalkan ia tidak berlipat ganda dan dalam keadaan darurat, lebih-lebih lagi jika dilakukan untuk kepentingan harta anak yatim. Akhirnya, hakim yang disebut sebagai hakim syarie pun (pada masa Daulah Turki Utsmaniyah) melakukan riba terhadap dana-dana sosial anak yatim sebagaimana yang dilakukan oleh hakim sivil. Selain itu, mereka juga mengeluarkan fatwa tentang bolehnya menghentikan pelaksanaan hukum hudud, serta membolehkan pengambilan undang-undang jenayah bersumber daripada selain Islam. Demikianlah, mereka telah membuat hukum-hukum yang bertentangan dengan syariat Islam dengan dalih

untuk menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan. Bagi mereka, hukum syarak mesti mampu menyesuaikan diri dengan situasi, keadaan, dan tempat.

Tindakan yang mereka lakukan ini tentu sahaja semakin menjauhkan Islam daripada kehidupan. Musuh-musuh Islam lalu menggunakan fahaman yang salah dan hukum-hukum yang batil ini sebagai alat untuk menyusupkan undang-undang dan prinsip-prinsip mereka kepada umat Islam, yang tanpa disedari bahawa perkara ini bertentangan dengan agama mereka. Hal ini disebabkan telah mengakarnya kefahaman yang salah dalam minda umat, bahawa Islam itu sesuai dengan perkembangan zaman. Ramai orang kemudiannya menakwilkan Islam supaya sesuai dengan mazhab, aliran, dan ideologinya; atau disesuaikan dengan setiap peristiwa yang terjadi, atau dengan tolok ukur masing-masing, sekalipun bertentangan

dengan *mabda'* dan sudut pandang Islam. Semua ini sebenarnya memberikan ruang bagi usaha-usaha menjauhkan Islam daripada kehidupan. Satu perkara yang pasti, bahawa kegagalan setiap *harakah Ishlahiyah* (gerakan reformasi) sentiasa selari dengan pemahaman yang lemah ini.

Keadaan ini semakin menjadi-jadi ketika memasuki abad ke-20 M, apabila munculnya banyak penghalang yang memisahkan Islam dengan kehidupan, sehingga semakin menambah kesulitan baru bagi gerakan-gerakan Islam, di samping kesulitan-kesulitan yang telah ada sebelumnya. Perkara ini terjadi kerana kaum Muslimin terutama kalangan ulama' dan cendekiawannya sedang dikuasai oleh tiga unsur:

**Pertama**, mereka mempelajari Islam dengan cara yang bertentangan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah digariskan Islam. Kaedah tersebut menurut Islam menyatakan bahawa hukum-hukum syariat



Islam dipelajari sebagai perkara yang bersifat praktikal, supaya dapat diterapkan oleh negara dalam urusan pemerintahan, dan oleh individu dalam urusan peribadi. Atas dasar inilah para ulama' (usul *fiqh*) mendefinisikan ilmu *fiqh* sebagai:

«عِلْمٌ بِالْمَسَائِلِ الشَّرْعِيَّةِ الْعَمَلِيَّةِ الْمُسْتَنْبَطَةِ مِنْ أَدَلَّتِهَا  
التَّفْصِيلِيَّةِ»

*“Ilmu yang membahas masalah-masalah syariat yang bersifat praktikal, dan digali daripada dalil-dalilnya yang terperinci”.*

Dengan kaedah seperti ini, kajian tentang Islam akan menghasilkan ilmu bagi yang mempelajarinya dan amal perbuatan bagi masyarakat, baik negara mahupun individu. Sayangnya, kenyataan yang ada menunjukkan bahawa para ulama' dan kaum terpelajar, bahkan majoriti kaum Muslimin

mempelajari Islam hanya sekadar sebagai menambah ilmu, seakan-akan Islam ialah falsafah yang bersifat khayalan dan teori semata-mata. Dengan demikian, hukum-hukum fiqh kemudian hanya menjadi sekumpulan teori semata-mata, dan syariat dipelajari sebagai aktiviti ritual dan akhlak sahaja, bukan lagi sebagai hukum-hukum yang mampu menyelesaikan masalah kehidupan. Ini dilihat dari aspek pengkajian Islam.

Dilihat dari sisi dakwah Islam, apa yang berlaku ialah kaum Muslimin tidak ubah seperti para mubaligh kristian, iaitu dengan cara hanya memberi nasihat dan petunjuk sahaja, bukan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dikehendaki oleh Islam. Dengan cara dakwah seperti ini, orang-orang yang mempelajari Islam akan menjadi ulama-ulama jumud, ibarat buku-buku yang bergerak, atau menjadi penasihat dan pemberi petunjuk yang selalu

mengulang-ulang ucapan dan khutbahnya yang menjemukan, tanpa ada pengaruh sedikit pun terhadap masyarakat.

Mereka tidak memahami hakikat mendidik umat dengan Islam, yang bermaksud mengajarkan seluruh perkara yang berkaitan dengan agama Islam, dengan cara yang dapat menyentuh perasaannya dan membuat mereka takut terhadap azab dan murka Allah, sehingga seorang Muslim akan berubah menjadi satu tenaga penggerak yang berpengaruh ketika perasaannya terpaut dengan akalanya, berkat mempelajari ayat-ayat Allah melalui kaedah yang digunakannya itu. Memang benar, mereka belum memahami perkara seperti ini. Oleh sebab itulah mereka mengganti kaedah pengajaran yang sangat mendalam dan membekas ini dengan kaedah nasihat dan petunjuk, yang terbatas dalam bentuk wacana, pidato dan khutbah-khutbah yang cetek serta

membosankan, kerana telah berulang kali disampaikan. Maka muncullah anggapan bahawa antara penyelesaian berbagai persoalan yang terjadi dalam masyarakat dengan Islam merupakan suatu perkara yang saling bertentangan, atau seolah-olah bertentangan, sehingga memerlukan penyesuaian. Sebagai akibatnya daripada hal ini, penakwilan Islam untuk disesuaikan dengan keadaan semasa menjadi suatu perkara yang biasa dalam kalangan masyarakat.

Lebih daripada itu, mereka juga keliru dalam memahami firman Allah SWT:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

*“Dan tidaklah sepatutnya orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah*

*keluar sebahagian sahaja daripada tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (daripada melakukan larangan Allah).” [TMQ at-Taubah (9): 122]*

Mereka menafsirkan ayat ini dengan membawa maksud hendaklah ada segolongan orang dalam masyarakat yang mempelajari ilmu agama, kemudian mereka kembali untuk mengajarkan ilmu tersebut kepada kaumnya. Penafsiran seperti ini telah menjadikan usaha untuk mempelajari agama itu hukumnya sebagai fardu kifayah. Hal yang demikian jelas bercanggah dengan hukum syarak, sekaligus bercanggah dengan makna ayat itu sendiri.

Menurut hukum syarak, setiap muslim yang baligh dan berakal hukumnya wajib memahami agama, terutama perkara-perkara yang diperlukan dalam kehidupannya kerana ia diperintahkan untuk menyesuaikan seluruh perbuatannya dengan perintah dan larangan Allah. Tidak ada jalan lain untuk melaksanakan perkara ini kecuali dengan mengetahui hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan seluruh perbuatan manusia. Dengan demikian, *tafaqquh fiddîn* (mendalami ilmu agama) tentang perkara yang diperlukan oleh seorang muslim dalam kehidupannya ialah fardu ain, bukannya fardu kifayah. Sedangkan ijtihad untuk menggali hukum merupakan fardu kifayah. Berkenaan kesalahan tafsiran mereka, ayat ini sebenarnya bertemakan isu jihad. Dengan kata lain, yang dimaksudkan bahawa kaum Muslimin tidak diperkenankan keluar seluruhnya ke medan perang untuk berjihad. Hendaklah sekumpulan orang keluar

untuk berjihad, dan sekumpulan lainnya tinggal untuk mempelajari hukum-hukum bersama Rasulullah SAW. Apabila para mujahid yang terjun ke medan perang itu kembali, kumpulan yang tinggal dapat mengajar kepada mereka hukum-hukum yang belum mereka pelajari dengan kaedah pengajaran yang sangat berkesan. Bukti lain mengenai perkara ini ialah adanya keinginan dan kesungguhan dalam diri para sahabat untuk mempelajari hukum-hukum agama dan adanya sikap untuk selalu ingin menyertai Rasulullah SAW. Kadang-kadang sebahagian sahabat keluar mengikuti peperangan, sedangkan sebahagian lainnya tinggal untuk mempelajari hukum-hukum agama. Setelah para mujahid itu kembali, orang-orang yang tinggal (yang tidak mengikuti peperangan) akan mengajarkan hukum-hukum agama kepada pasukan para mujahid tersebut.

**Kedua**, bahawasanya dunia Barat yang dengki dan

membenci Islam serta kaum Muslimin terus menerus menyerang agama Islam. Di satu sisi mereka mencela Islam dengan cara mengada-adakan sesuatu yang tidak ada dalam Islam, sementara di sisi lain mereka memburuk-burukan sebahagian hukum-hukum Islam, sedangkan semuanya merupakan hukum-hukum yang tidak diragukan lagi kebenarannya dalam menyelesaikan masalah dan persoalan hidup. Menghadapi serangan seperti ini, kaum Muslimin — terutama dalam kalangan para intelektualnya— berada pada posisi yang sangat lemah. Mereka rela menerima Islam sebagai pihak yang tertuduh, kemudian mereka berusaha untuk membelanya (bersikap defensif).

Dalam usaha menghadapi tuduhan seperti itu, mereka berusaha menginterpretasikan semula hukum-hukum Islam. Sebagai contoh, mereka menginterpretasikan jihad dengan makna peperangan defensif (bertahan daripada serangan musuh),



bukan peperangan ofensif (menyerang musuh). Interpretasi seperti ini bercanggah dengan makna dan hakikat jihad yang sebenarnya. Jihad ialah aktiviti memerangi mana-mana pihak yang berdiri menentang dakwah Islam, baik pihak tersebut menyerang Islam lebih dahulu (jihad defensif) atau yang tidak (jihad ofensif). Dengan kata lain, jihad bermaksud menyingkirkan segala bentuk rintangan yang menghalang dakwah Islam. Jihad juga memiliki makna seruan dan dakwah kepada Islam serta berperang deminya, iaitu jihad *fi sabilillah*. Sejarah telah membuktikan ketika kaum Muslimin hendak menguasai bangsa Parsi, Rom, Mesir, Afrika Utara, dan Andalusia serta wilayah yang lainnya, mereka melakukannya kerana penyebaran dakwah memang memerlukan adanya jihad di negara-negara tersebut. Jadi, penafsiran jihad sebagai mempertahankan diri semata-mata merupakan penafsiran yang salah akibat daripada sikap yang lemah kerana menerima

Islam sebagai pihak tertuduh. Pembelaan terhadap Islam dengan cara seperti itu, menunjukkan sikap yang sebenarnya memuaskan para penuduhnya. Begitu juga sikap mereka dalam menghadapi tuduhan orang-orang kafir dalam masalah poligami, potong tangan bagi pencuri, dan sebagainya. Umat Islam berusaha menafsirkan Islam dengan cara yang bertentangan dengan hakikat ajarannya. Semua itu menjadi sebab semakin jauhnya kaum Muslimin daripada pemahaman yang benar terhadap Islam, yang akhirnya menjauhkan ajaran Islam dari sudut amali praktikalnya.

**Ketiga**, sebagai akibat menyusutnya *Daulah Islamiyah* kerana banyaknya negeri-negeri Islam yang melepaskan diri lalu tunduk kepada pemerintahan kufur, apalagi disusuli dengan runtuh dan lenyapnya *Daulah Islamiyah*, maka terciptalah dalam minda kaum Muslimin gambaran bahawa mustahil tertubuhnya kembali *Daulah Islamiyah* dan mustahilnya

pemerintahan yang berteraskan Islam semata-mata. Inilah yang mengakibatkan mereka bersedia menerima begitu sahaja hukum lain yang bukan berasal daripada Allah SWT. Mereka tidak melihat perkara ini sebagai suatu bencana atau dosa, selama nama baik Islam tetap dijaga, sekalipun tidak diperintah berdasarkan hukum Islam. Mereka juga menyeru supaya aliran dan ajaran selain Islam perlu dimanfaatkan untuk membantu penerapan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari. Perkara ini menyebabkan kaum Muslimin hanya duduk berpeluk tubuh tanpa bertindak untuk menegakkan kembali *Daulah Islamiyah*, serta berdiam diri melihat hukum kufur dilaksanakan dalam kehidupan kaum Muslimin oleh orang-orang Islam sendiri.

Ketiga masalah tadi menjadi penyebab kegagalan seluruh gerakan reformasi yang didirikan untuk membangkitkan kembali umat Islam sekaligus mengembalikan kejayaan

Islam. Kegagalan ini wajar terjadi, kerana sekalipun gerakan-gerakan tersebut ialah gerakan Islam, namun kefahaman yang salah terhadap Islam makin merumitkan masalah, yang semakin sukar untuk diatasi, bahkan dapat menjauhkan umat daripada Islam sebagai ganti daripada usaha-usaha untuk menerapkan ajarannya.

Oleh yang demikian, maka mesti ada sebuah gerakan yang memahami Islam, baik dalam aspek idea (*fikrah*) mahupun kaedah pelaksanaan (*thariqah*), lalu menghubungkan keduanya dan berusaha mengembalikan semula kehidupan Islam bermula di salah satu wilayah di antara wilayah-wilayah Islam, sehingga wilayah ini menjadi titik awal pergerakan yang memancarkan sinar dakwah Islam, dan kemudian menjadi titik tolak penyebaran dakwah Islam.

Atas dasar inilah Hizbut Tahrir ditubuhkan. Hizbut Tahrir berusaha untuk mengembalikan kehidupan Islam

bermula di kawasan negeri-negeri Arab. Dari sanalah tujuan untuk mengembalikan semula kehidupan Islam di seluruh dunia Islam —secara alami— akan tercapai, iaitu dengan jalan menubuhkan *Daulah Islamiyah* pada satu atau beberapa wilayah sebagai titik utama (*nuqthatul irtikaz*) Islam dan sebagai benih tertubuhnya *Daulah Islamiyah* yang lebih meluas, yang akan mengembalikan semula kehidupan Islam dengan menerapkan Islam secara sempurna di seluruh negeri-negeri Islam, serta membawa dakwah Islam ke seluruh dunia.

Setelah mengadakan pengkajian, analisis dan pembahasan, Hizbut Tahrir kemudian memilih dan menentukan hukum-hukum syarak, yang antaranya berkaitan dengan penyelesaian masalah-masalah individu yang terjadi antara sesama individu dalam masyarakat, seperti larangan menyewa tanah pertanian. Ada juga yang berkaitan dengan

pendapat umum yang terjadi antara umat Islam dengan umat lain, atau yang berhubungan dengan aspek antarabangsa, seperti keizinan negara mengadakan perjanjian-perjanjian mendesak (dalam keadaan lemah) atau menyampaikan dakwah Islam sebelum memulai peperangan, dan lain-lain. Ada juga yang berkaitan dengan idea-idea, yang tidak lain merupakan hukum-hukum syarak, misalnya tentang kaedah-kaedah kulliyat dan definisi-definisi syarak. Seperti kaedah *kulliyat* yang mengatakan:

«مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِالْأَبِّهِ فَهُوَ وَاجِبٌ»

“Suatu kewajipan tidak akan terlaksana tanpa sesuatu, maka sesuatu itu hukumnya menjadi wajib.”

atau seperti definisi mengenai hukum syarak, iaitu:

«حَطَابُ الشَّارِعِ الْمُتَعَلِّقُ بِأَفْعَالِ الْعِبَادِ»

*“Seruan Pembuat hukum (Allah) yang berkaitan dengan perbuatan hamba.”*

Hizbut Tahrir telah memilih dan menetapkan (*tabanni*) daripada berbagai-bagai jenis hukum syarak ini beberapa hukum tertentu, dan berusaha menyebarkannya sebagai proses dakwah kepada Islam. Kesemuanya berbentuk pandangan-pandangan, pemikiran-pemikiran dan hukum-hukum yang Islami dan hanya berasal daripada Islam. Tidak ada padanya perkara yang tidak Islami bahkan tidak terpengaruh sedikit pun oleh sesuatu yang berasal daripada selain Islam; hanya semata-mata Islam dan hanya berdasarkan pada dasar-dasar Islam serta nas-nasnya secara tulen. Hizbut Tahrir dalam menyampaikan dakwahnya berusaha membangkitkan dan menggerakkan pemikiran. Hizbut Tahrir berpendapat, dakwah Islam mesti dibina di atas dasar pembentukan pemikiran dan wajib dikembangkan sebagai sebuah *qiyadah fikriyyah*. Pemikiran

cemerlang (*al-fikru al-mustanir*) amat diperlukan dalam hidup ini. Manusia akan bangkit di atas landasan tersebut, iaitu berbentuk suatu pemikiran yang mampu memperlihatkan hakikat semua perkara sehingga dapat difahami dengan benar. Suatu pemikiran supaya boleh menjadi *al-fikru al-mustanir* mesti berbentuk pemikiran yang mendalam (*al-fikru al-'amiq*). Apa yang dimaksudkan dengan *al-fikru al-'amiq* ialah pandangan yang teliti dan mendalam mengenai segala perkara. Dengan demikian, *al-fikru al-mustanir* ialah pandangan yang teliti dan mendalam mengenai semua perkara beserta segala hal ehwal dan setiap perkara yang berkaitan dengannya, untuk mencapai suatu kesimpulan yang benar berdasarkan proses tersebut. Dengan kata lain, *al-fikru al-mustanir* ialah pandangan yang teliti, mendalam dan cemerlang terhadap sesuatu perkara dan isu. Dengan demikian, perlu ada pandangan yang teliti, mendalam, dan cemerlang mengenai



alam, kehidupan, dan manusia. Demikian juga perlu ada pandangan yang teliti, mendalam dan cemerlang mengenai manusia dan tingkah lakunya, sehingga dapat ditemukan hukum-hukum berkaitan yang ditetapkan padanya.

Pandangan yang mendalam mengenai alam, kehidupan, dan manusia akan memberikan pemikiran yang menyeluruh terhadap ketiga-tiganya. Pemikiran yang menyeluruh inilah yang akan menyelesaikan masalah terbesar bagi manusia. Pemikiran ini juga akan membentuk akidah bagi manusia, yang akan menentukan tujuan hidupnya dan tujuan daripada aktiviti yang dilakukannya dalam kehidupan ini. Hal ini demikian kerana manusia hidup di dalam alam semesta ini. Maka, selagi belum diselesaikan masalah terbesar mengenai dirinya sendiri, fenomena kehidupan yang dialaminya, dan mengenai alam semesta sebagai tempat hidup dan kewujudannya, tentulah tidak akan mungkin diketahui sikap

apa yang mesti diambil. Oleh yang demikian, akidah menjadi dasar segala perkara.

Pandangan yang mendalam dan cemerlang mengenai alam semesta, manusia, dan kehidupan pasti akan membawa kepada akidah Islam. Sangat jelas bahawa ketiga-tiga unsur ini semuanya merupakan makhluk ciptaan Maha Pencipta (*al-Khaliq*) dan *al-Khaliq* inilah satu-satunya yang mengendalikan, menjaga, dan mengaturnya selari dengan sistem tertentu. Kehidupan di dunia ini bersifat tidak azali serta tidak abadi. Sebelum kehidupan ini, adanya Allah SWT (*wajibul wujud*) yang menciptakannya dan yang mengaturnya; di samping ada kehidupan sesudahnya iaitu Hari Kiamat. Begitu juga aktiviti manusia dalam kehidupan dunia ini, mesti bertindak selari dengan perintah Allah dan larangan-Nya. Manusia akan dihisab atas perbuatannya pada Hari Kiamat nanti, iaitu *yaumul hisab*. Berdasarkan perkara ini, menjadi

kewajipan manusia untuk sentiasa terikat dengan syariat Allah yang telah disampaikan oleh junjungan kita Nabi Muhammad SAW kepada manusia.

Dengan pandangan yang mustanir terhadap alam, kehidupan, dan manusia ini akan nampak bahawa ketiga-tiganya ialah material (benda), bukan *ruh*. Ketiga-tiganya juga bukan terbentuk daripada campuran material dan *ruh*. Hal yang dimaksudkan dengan material di sini ialah sesuatu yang dapat dijangkau dan dicerap dengan pancaindera; baik material itu didefinisikan sebagai sesuatu yang menempati ruang dan memiliki jisim, atau didefinisikan sebagai tenaga yang dapat menggerakkan baik yang boleh dilihat mahupun tidak. Apa yang menjadi topik pembahasan di sini bukanlah bentuk material itu sendiri, melainkan perkara yang terkait dengan alam, kehidupan, dan manusia —iaitu ketiga-tiga unsur yang dapat dicerap dan dijangkau dengan

pancaindera— dilihat dari aspek kewujudannya sebagai ciptaan *al-Khaliq*. Sedangkan yang dimaksudkan dengan *ruh* di sini ialah kesedaran manusia akan hubungannya dengan Allah. Jadi, bukanlah *ruh* yang ditafsir sebagai rahsia kehidupan/nyawa (*sirrul hayat*). Sebab, yang menjadi topik pembahasan bukanlah *ruh* dalam erti kata nyawa, melainkan mengenai hubungan alam, kehidupan, dan manusia dengan sesuatu yang ghaib, iaitu *al-Khaliq* serta kesedaran mengenainya.

Selain itu, apakah kesedaran terhadap hubungan alam, kehidupan, dan manusia dengan *Khaliq*-nya itu termasuk bahagian daripada ketiga-tiganya atau bukan? Dengan pandangan yang teliti, mendalam dan cemerlang terhadap alam, kehidupan, dan manusia —dilihat dari segi pengertian roh sebagai kesedaran hubungan manusia dengan Allah, bukan dari segi *ruh* sebagai nyawa— ternyata semuanya itu berbentuk

material, bukan *ruh*, juga bukan terbentuk daripada campuran material dan *ruh*. Semua yang tergolong material (benda) itu ialah suatu perkara yang nyata, bukan perkara yang samar kerana ketiga-tiganya dapat dijangkau oleh panccaindra. Ketiga-tiganya bukanlah *ruh*, kerana yang dimaksudkan dengan *ruh* ialah kesedaran manusia terhadap hubungannya dengan Allah SWT. Kesedaran yang timbul daripada manusia terhadap hubungannya dengan Allah ini bukanlah bahagian daripada alam, manusia, dan kehidupan melainkan sesuatu yang berbeza. Ketiga-tiganya bukan terbentuk daripada campuran material dan *ruh* juga telah jelas pada alam dan kehidupan. Sedangkan pada diri manusia, kesedarannya terhadap hubungannya dengan Allah bukanlah asli yang terbit daripada bahagian proses pembentukannya, melainkan sesuatu yang di luar kejadiannya. Buktinya, orang kafir yang ingkar terhadap Allah tidak akan mengenal

hubungannya dengan Allah, meskipun demikian dia tetap dianggap sebagai manusia.

Berdasarkan penjelasan di atas, apa yang dikatakan oleh sebahagian orang bahawa manusia itu terbentuk daripada campuran material dan *ruh*; sehingga apabila material yang ada seseorang mampu mendominasi *ruh* maka jadilah dia orang jahat, sedangkan jika *ruh* yang mendominasi dirinya maka jadilah dia orang baik; oleh itu, manusia mesti berusaha memenangkan *ruh* atas material supaya menjadi orang yang baik; pandangan ini salah. Faktanya kerana manusia bukan terbentuk daripada campuran material dan *ruh*. *Ruh* yang menjadi asas perbahasan di sini (yang terdapat pada diri orang yang beriman terhadap adanya Tuhan) ialah adanya pengaruh daripada Yang Maha Pencipta, atau pengaruh yang dapat dijangkau berkaitan dengan perkara ghaib, atau adanya sesuatu yang dapat diketahui yang tidak mungkin muncul

kecuali daripada Allah, atau semakna dengan perkara yang membawa maksud kerohanian mahupun aspek rohani. Sedangkan *ruh* dengan pengertian kerohanian atau aspek rohani yang terdapat dalam diri manusia bukan berbentuk *sirrul hayah* (nyawa atau rahsia hidup), bahkan tidak ada kaitannya dengan rahsia hidup.

*Ruh* dalam pengertian ini jelas merupakan sesuatu yang berbeza. Buktinya, haiwan juga mempunyai rahsia hidup, tetapi haiwan tidak mempunyai kerohanian dan aspek rohani. Lebih daripada itu, tidak ada seorang pun yang mengatakan bahawa binatang itu terbentuk daripada campuran material dan *ruh*. Ini membuktikan bahawa *ruh* dalam pengertian ini bukanlah bermaksud rahsia hidup atau nyawa, bukan juga muncul daripada nyawa, serta tidak ada kaitannya dengan nyawa. Sama seperti haiwan, manusia tidak terbentuk daripada campuran material dan *ruh*, walaupun di dalamnya terdapat rahsia hidup. *Ruh* yang

terdapat dalam diri manusia dan yang membezakannya dengan manusia lain (kafir) tidak berkaitan dengan rahsia hidup, dan bukan juga muncul daripadanya. Pengertian *ruh* yang dimaksudkan ialah kesedaran hubungan manusia dengan Allah. Dengan demikian tidak boleh dikatakan bahawa *ruh* merupakan sebahagian daripada pembentukan manusia, dengan alasan bahawa manusia memiliki rahsia hidup (nyawa).

Selagi mana *ruh* yang menjadi asas perbahasan dalam masalah ini ditafsir sebagai kesedaran hubungan manusia dengan Allah dan tidak ada kaitannya dengan rahsia hidup, maka sudah jelas bahawa *ruh* bukan sebahagian daripada pembentukan manusia. Kesedaran hubungan dengan Allah tidak termasuk bahagian daripada pembentukan manusia, melainkan sifat yang datang daripada unsur luar. Alasannya, bahawa orang kafir yang ingkar terhadap Allah tidak akan



mengenal hubungannya dengan Allah, meskipun dia tetap disebut sebagai manusia.

Walaupun alam semesta, manusia, dan kehidupan merupakan material, bukan *ruh*, tetapi ketiga-tiganya memiliki aspek kerohanian iaitu kewujudannya sebagai ciptaan *al-Khaliq*. Dengan kata lain, ketiga-tiganya sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT yang Maha Pencipta. Alam semesta ialah material. Kewujudannya sebagai ciptaan *al-Khaliq* merupakan aspek rohani yang mesti disedari oleh manusia. Manusia juga merupakan material. Kewujudannya sebagai ciptaan *al-Khaliq* merupakan aspek rohani yang mesti disedari oleh manusia. Demikian juga halnya dengan kehidupan ialah material. Kewujudannya sebagai ciptaan *al-Khaliq* merupakan aspek rohani yang mesti disedari oleh manusia. Jadi, aspek kerohanian bukanlah muncul daripada zat/unsur alam, kehidupan, dan manusia itu sendiri

melainkan daripada kewujudan ketiga-tiganya sebagai makhluk *al-Khaliq*, iaitu Allah SWT. Hubungan inilah yang dimaksudkan dengan aspek kerohanian.

Mengenai makna *ruh*, orang-orang yang beriman dengan adanya Tuhan berulang kali menggunakan lafaz *ruh*, kerohanian dan aspek rohani. Sebenarnya, yang dimaksudkan mereka ialah adanya pengaruh daripada Yang Maha Pencipta di suatu ruang/tempat; atau apa yang dapat disaksikan daripada tanda-tanda yang berkaitan dengan perkara-perkara ghaib; atau kewujudan sesuatu yang dapat diketahui dan tidak mungkin muncul kecuali daripada Allah; atau yang semakna dengan perkara ini. Semua makna yang mereka sebut sebagai *ruh*, kerohanian dan aspek rohani serta yang sejenisnya merupakan makna-makna yang umum, kabur dan belum jelas. Makna-makna ini memang nyata dalam fikiran mereka, juga memiliki fakta di luar fikiran mereka. Walau bagaimanapun, ada perkara-

perkara ghaib yang terjangkau kewujudannya tetapi tidak terjangkau zatnya, serta memiliki pengaruh terhadap segala perkara. Akan tetapi, sesuatu yang nyata dan dapat mereka rasakan dengan pancaindera itu ternyata tidak mampu untuk mereka definisikan, bahkan ia sesuatu yang kabur bagi mereka. Sebagai akibat ketidakjelasan makna-makna ini, muncullah kekeliruan dalam pandangan mereka. Ada sebahagian orang yang mencampuradukkannya dengan *ruh*, yang bermaksud rahsia hidup (nyawa). Mereka menyatakan bahawa manusia terbentuk daripada campuran material dan *ruh* (sebagaimana ajaran spiritualisme), kerana merasakan adanya *ruh* sebagai rahsia hidup dalam dirinya, dan adanya *ruh* dalam makna kerohanian dan aspek rohani. Lalu mereka mengira bahawa *ruh* dengan pengertian kerohanian sama dengan roh yang bermakna rahsia hidup atau yang muncul daripada rahsia hidup. Mereka lupa bahawa pada haiwan pun

terdapat *ruh* yang bermakna rahsia hidup. Walaupun begitu, haiwan tidak mempunyai kerohanian atau aspek rohani. Di samping itu, akibat daripada ketidakjelasan pengertian ini ialah penggunaan istilah kerohanian untuk seseorang yang merasakan kepuasan jiwa sehingga ada orang yang mengatakan tentang dirinya “*Aku telah merasakan ketinggian rohani*”, atau “*Si fulan mencapai suatu bentuk kerohanian yang agung*”. Implikasi lainnya apabila seseorang mendatangi suatu tempat kemudian dia merasakan kepuasan/kenikmatan di tempat itu, maka tempat itu dikatakan sebagai mempunyai aspek rohani atau kerohanian. Malah terdapat juga orang yang membiarkan dirinya dalam keadaan lapar, menyiksa dan melemahkan badannya dengan maksud untuk menguatkan *ruhnya*. Ini semua terjadi kerana ketidakjelasan terhadap makna *ruh*, kerohanian dan aspek rohani.

Hal yang sama juga berlaku dalam menerangkan realiti akal yang menjadi polemik di masa lalu. Akal merupakan lafaz yang mempunyai maksud memahami dan menetapkan sesuatu, atau mempunyai pengertian serupa dengan ini. Akan tetapi, orang-orang terdahulu menggambarkan segala-gala perkara yang ada —baik terjangkau mahupun tidak— sebagai pengaruh daripada akal, bukan akal itu sendiri. Akal memang memiliki fakta dan dapat mereka rasakan, namun mereka tidak dapat memahami dengan jelas tentang hakikat akal. Akibat ketidakjelasan ini muncul perbezaan pandangan dan kekacauan gambaran tentang tempat dan kewujudan akal, sehingga pengertian akal bagi mereka menjadi bercampur aduk. Sebahagian orang mengatakan bahawa akal itu tempatnya dalam hati; sebahagian lagi mengatakan akal ada di kepala; yang lain mengatakan bahawa akal ialah otak; sementara sebahagian yang lain pula menyatakan pendapat selain

daripada yang dinyatakan tadi.

Belakangan ini, —pada awal abad ini— sebahagian para pemikir telah meneruskan usaha untuk menjelaskan makna dan definisi akal. Namun, mereka juga keliru akibat tidak jelasnya pemahaman terhadap fakta mengenai akal. Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa akal ialah refleksi otak terhadap material (realiti); sebahagian lagi mengatakan sebaliknya, bahawa akal ialah refleksi material (realiti) terhadap otak. Pada akhirnya ditemui definisi yang benar, iaitu bahawa *akal ialah pemindahan gambaran suatu kenyataan (objek) ke dalam otak melalui pancaindera, disertai pengetahuan sebelumnya tentang kenyataan tersebut sehingga dapat ditafsirkan*. Maka inilah pemahaman definisi yang benar tentang akal.

Demikian juga keadaannya dengan masalah *ruh*, kerohanian dan aspek rohani. Para pemikir mesti berusaha

mencari kejelasan makna *ruh*, kerohanian dan aspek rohani sehingga dapat diterima oleh pemikiran (manusia) dan dapat dijangkau realitinya. Hal ini demikian kerana *ruh*, kerohanian, dan aspek rohani memiliki realiti yang dapat dicerap oleh manusia. Segala sesuatu yang dapat dicerap dengan pancaindera dan disaksikan oleh manusia ternyata ada perkara bersifat material yang dapat dirasakan dan dapat disentuh, misalnya roti. Ada sesuatu yang dapat dirasakan tetapi tidak dapat disentuh, seperti khidmat layanan doktor. Di samping itu juga terdapat perkara bersifat maknawi (bukan material) yang dapat dirasakan tetapi tidak dapat disentuh seperti kebanggaan atau pujian. Ada juga perkara bersifat rohani yang dapat dirasakan tetapi tidak dapat disentuh, seperti takut kepada Allah dan berserah diri kepada-Nya pada ketika susah. Dengan demikian, ketiga-tiga makna ini memiliki realiti yang dapat dirasakan oleh manusia dan setiap satunya berbeza

daripada yang lain. Oleh itu, *ruh*, kerohanian dan aspek rohani merupakan realiti yang jelas dapat dicerap dengan pancaindera/dirasakan. Maka kenyataan ini mesti didefinisikan supaya dapat dijelaskan kepada masyarakat sebagaimana keadaannya dengan akal yang sudah didefinisikan dan jelas di tengah-tengah masyarakat.

Dengan pandangan yang teliti mengenai realiti *ruh*, kerohanian, dan aspek rohani nampak jelas bahawa ketiganya tidak terdapat pada diri orang ateis yang mengingkari adanya Allah. Ketiga-tiganya hanya akan ada pada diri orang-orang yang telah beriman terhadap adanya Tuhan. Ini bermakna bahawa *ruh*, kerohanian, dan aspek rohani berkaitan dengan keimanan kepada Allah. Ada ketika iman wujud dalam diri seseorang dan hilang ketika tidak ada iman.

Iman terhadap adanya Allah ialah pembenaran atau kepercayaan yang pasti dengan seyakini-yakinnya bahawa segala



sesuatu itu merupakan makhluk *al-Khaliq*. Dengan demikian, asas perbahasan di sini ialah segala sesuatu dalam alam kehidupan ini merupakan makhluk yang diciptakan *al-Khaliq*. Pengakuan bahawa segala-galanya diciptakan oleh *al-Khaliq* ialah keimanan, dan pengingkaran terhadap perkara ini bermakna kekufuran. Tatkala telah ada pengakuan dan kepercayaan ini secara pasti, maka di sinilah wujudnya aspek rohani. Hal yang mewujudkan aspek rohani ini ialah kepercayaan tersebut. Pada keadaan tidak ada pengakuan atau pengingkaran, maka tidak akan wujud aspek rohani. Jadi yang menjadikan tidak adanya aspek rohani ialah pengingkarannya. Ringkasnya, aspek rohani ialah pengakuan bahawa segala-galanya merupakan makhluk yang diciptakan oleh *al-Khaliq*. Dengan kata lain, aspek rohani ialah hubungan antara segalanya dengan *al-Khaliq* dilihat pada aspek penciptaan dan kewujudannya daripada perkara yang

sebelumnya tidak ada. Hubungan ini —iaitu bahawa segala-galanya diciptakan oleh al-*Khaliq*— jika disedari oleh akal, maka akan melahirkan perasaan pengagungan terhadap al-*Khaliq*, rasa takut kepada-Nya dan perasaan untuk mensucikan-Nya. Kesedaran yang melahirkan perasaan terhadap adanya hubungan dengan Allah inilah yang disebut *ruh*. Jadi, *ruh* ialah kesedaran (manusia) terhadap hubungannya dengan Allah. Jelaslah apa yang dimaksudkan dengan makna *ruh* dan aspek rohani. *Ruh* dan aspek rohani bukanlah kata-kata yang memiliki pengertian *lughawi* (bahasa) yang membawa kepada aspek bahasa sahaja; dan bukan juga istilah yang boleh digunakan oleh setiap golongan sesuka hati, melainkan ia memiliki makna yang khas, sekalipun diungkapkan dalam pelbagai lafaz.

Oleh itu, apa yang dibahaskan di sini merupakan realiti makna ini, bukan dilihat dari sisi makna lafaznya menurut bahasa.

Realitinya seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, iaitu bahawa *ruh* dilihat daripada aspek rohani pada diri manusia ialah kesedaran hubungannya dengan Allah. Sedangkan aspek rohani pada alam, manusia dan hidup pula, semuanya itu merupakan makhluk yang diciptakan oleh al-*Khaliq*. Walau apa pun lafaz yang digunakan untuk mengungkapkannya maka yang dimaksudkan ialah makna-makna yang telah disebutkan. Sebab, inilah realiti yang kelihatan berdasarkan bukti. Realiti yang dirasakan ini terdapat dalam fikiran (manusia) dan terdapat juga kenyataannya di luar fikiran; yang dimiliki oleh setiap manusia yang beriman akan kewujudan Tuhan, Pencipta segala-galanya.

Manakala yang dimaksudkan *ruh* sebagai rahsia hidup (nyawa) sebenarnya telah jelas kewujudannya secara pasti berdasarkan nas al-Quran yang *qath'ie* (pasti). Iman terhadap adanya *ruh* merupakan perkara yang wajib ada, namun itu

bukanlah perkara yang menjadi topik pembahasan di atas.

Lafaz *ruh* ialah kata yang mempunyai lebih daripada satu makna (*musytarak*) seperti kata “*ain*” yang mempunyai beberapa makna. ‘*Ain* boleh dimaksudkan dengan mata air, alat penglihatan, atau mata-mata serta boleh juga membawa maksud mata wang emas dan perak dan lain sebagainya. Demikian juga keadaannya dengan *ruh*, ia memiliki beberapa makna. Lafaz *ruh* yang terdapat dalam al-Quran memiliki makna yang berbeza-beza. Terdapat lafaz *ruh* yang bermakna nyawa/rahsia hidup, seperti:

﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ ۗ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا

أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا﴾

“Mereka bertanya kepadamu tentang *ruh* (nyawa). Katakanlah: *Ruh* itu termasuk urusan Rabbku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit” [TMQ al-Isra’ (17): 85].

Selain itu, terdapat lafaz *ruh* yang bermakna Jibril, seperti ayat:

﴿نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ  
الْمُنذِرِينَ ﴿٢٧﴾﴾

“Dia (*al-Quran*) dibawa turun oleh *ar-ruhul amin* (Jibril), dan diilhamkan ke dalam hatimu (*Muhammad*) supaya kamu menjadi orang yang memberi peringatan” [TMQ *asy-Syu‘araa’* (26): 193-194].

Terdapat juga lafaz *ruh* yang bermakna syariat, seperti pada ayat:

﴿وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا﴾

“Demikianlah kami wahyukan kepadamu (*Muhammad*) *ruh* (*syariat*) dengan perintah Kami” [TMQ *asy-Syuura* (42): 52].

Kesemua makna di atas ini bukanlah apa yang

dimaksudkan apabila menyebut lafaz aspek ruhiyah atau sesuatu yang bersifat rohani mahupun pemisahan material daripada *ruh*, atau yang berkaitan dengannya. Dengan kata lain, tidak ada keterkaitan antara pengertian *ruh* yang telah dibahas dengan seluruh makna yang terdapat dalam al-Quran. Apa yang dimaksud dengan *ruh* tentang penggunaannya di awal perbincangan ini ialah makna yang berkaitan dengan penciptaan material, iaitu dengan pandangan bahawa segala sesuatu telah diciptakan oleh *al-Khaliq*, iaitu Allah SWT serta kesedaran manusia terhadap hubungan segalanya itu dengan *Khaliqnya*.

Pandangan yang mendalam dan cemerlang mengenai manusia menunjukkan bahawa manusia hidup dalam dua lingkaran, iaitu lingkaran yang menguasai manusia dan lingkaran yang dikuasai oleh manusia. Berkaitan lingkaran yang menguasai manusia, ia merupakan lingkaran bahawa

hukum alam terkena ke atas manusia (*sunnatullah/nizhamul wujud*). Dalam hal ini, manusia, alam dan kehidupan akan bergerak selari mengikut sistem tertentu yang tidak berubah. Dengan demikian, beberapa kejadian yang terkena ke atas manusia dalam lingkaran ini terjadi di luar keinginannya. Maka dalam lingkaran ini, manusia bersifat *musayyar* (dikendalikan), bukan *mukhayyar* (diberi pilihan). Contohnya ialah manusia lahir ke dunia ini bukanlah atas kehendaknya dan ia juga akan meninggalkan dunia ini bukan atas kehendaknya. Dalam perkara ini, manusia tidak memiliki kemampuan untuk keluar daripada hukum alam. Maka atas dasar inilah manusia tidak akan dipersoalkan tentang perbuatan-perbuatan yang terjadi daripada atau ke atas dirinya sendiri yang tercakup dalam lingkaran ini. Manakala lingkaran yang dikuasai oleh manusia pula ialah lingkaran manusia bebas bertindak sesuai dengan sistem yang dipilihnya

sama ada mengikuti syariat Allah atau yang selainya. Dalam lingkaran ini, perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh manusia atau yang terkena ke atasnya, maka semuanya berlaku sesuai dengan kehendaknya. Hal ini seperti manusia berjalan, makan, minum atau pergi mengembara ketika yang diinginkannya. Manusia juga boleh untuk tidak melakukan perbuatan-perbuatan itu mengikut kehendaknya dan dengan kata lain, ia bebas untuk menentukan sama ada ingin melakukan atau meninggalkan perbuatan tersebut secara sukarela. Jadi, manusia akan dipersoakan tentang amal perbuatan yang dilakukannya dalam lingkaran ini.

Manusia sentiasa mencintai sesuatu yang berlaku daripada dirinya atau yang terkena ke atasnya dalam lingkaran yang dikuasainya mahupun yang menguasainya. Dalam masa yang sama, manusia juga kadang-kadang membenci sesuatu perkara yang berlaku dalam kedua lingkaran tersebut. Maka dari



sini, manusia berusaha menafsirkan kecintaan dan kebenciannya ini dengan label baik (*khair*) dan buruk (*syarr*). Jadi manusia akan cenderung untuk menyebut apa yang disukainya sebagai baik, dan apa yang dibencinya sebagai buruk. Sama juga seperti penyebutan terhadap sesuatu perbuatan dikatakan baik manakala perbuatan lain dikatakan buruk yang diukur berdasarkan sesuatu perbuatan itu mendatangkan manfaat atau mudarat.

Penjelasan yang sebenarnya ialah bahawa perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh manusia dalam lingkaran yang dikuasainya, tidaklah boleh dilabel (disifatkan) sebagai baik atau buruk hanya kerana perbuatan itu sendiri. Hal ini demikian kerana, semua itu hanyalah perbuatan semata-mata tanpa mempunyai nilai baik atau buruk dilihat dari segi zat perbuatannya. Apa yang menjadikan sesuatu perbuatan itu baik atau buruk sebenarnya diukur berdasarkan daripada unsur luar

(di luar perbuatan). Sebagai contoh membunuh orang, tidaklah dikatakan bahawa perbuatan itu baik mahupun buruk melainkan itu hanya perbuatan membunuh sahaja. Hal yang menyifatkan pembunuhan itu sebagai baik atau buruk datang daripada unsur luar. Oleh sebab itu, membunuh *kafir harbi* dalam perang ialah satu perbuatan yang baik, sedangkan membunuh orang kafir warganegara (yang menjadi warganegara *Daulah Islamiyah*), atau orang kafir yang memiliki perjanjian dengan negara Islam (*kafir mu'ahid*), atau membunuh orang kafir yang meminta perlindungan (*kafir musta'min*), maka itu dikategorikan sebagai buruk. Pelaku perbuatan membunuh pada contoh pertama (membunuh *kafir harbi* dalam medan perang) akan diberikan ganjaran pahala, sedangkan untuk contoh kedua maka pelakunya berhak dijatuhkan hukuman; walaupun kedua-duanya telah melakukan tindakan yang sama (iaitu membunuh). Dalam

perkara ini, baik dan buruk itu terhasil daripada faktor-faktor yang mendorong manusia untuk melakukan suatu perbuatan dan tujuan yang hendak dicapai daripada perbuatan tersebut. Faktor-faktor yang mendorong manusia untuk melakukan sesuatu perbuatan dan tujuan yang hendak dicapainya ini merupakan dua perkara yang menentukan kategori perbuatan itu baik atau buruk; sama ada perkara itu disukainya atau tidak, dan sama ada perkara itu memberikan manfaat atau mendatangkan kemudharatan.

Oleh itu, sudah menjadi suatu keperluan untuk meneliti faktor-faktor yang mendorong manusia melakukan sesuatu perbuatan, di samping membahas tujuan yang hendak dicapainya. Hal ini penting untuk memahami bagaimana sesuatu perbuatan itu dapat dikategorikan sebagai baik atau buruk. Pengetahuan tentang faktor-faktor pendorong serta tujuan yang hendak dicapainya sangat bergantung kepada jenis

akidah yang diyakini oleh manusia itu sendiri. Seorang Muslim yang beriman kepada Allah SWT serta beriman bahawa Dialah yang telah mengutus Nabi Muhammad SAW dengan syariat Islam yang menjelaskan perintah-perintah serta larangan-larangan Allah, yang mengatur hubungannya dengan Allah, dengan dirinya sendiri, dan dengan sesama manusia lainnya; maka seorang muslim yang meyakini perkara ini wajib menyesuaikan seluruh amal perbuatannya dengan perintah dan larangan Allah. Tujuan yang hendak dicapai daripada penyesuaian ini adalah untuk mendapatkan redha Allah SWT. Oleh yang demikian, sesuatu perbuatan itu ditentukan berdasarkan sama ada ia mendatangkan murka Allah atau redha-Nya. Jika suatu perbuatan itu mengundang murka Allah, kerana menyalahi perintah-Nya dan melanggar larangan-Nya, maka perbuatan tersebut dikategorikan buruk. Manakala jika perbuatan tersebut mendatangkan redha Allah

melalui ketaatan terhadap perintah-Nya serta menjauhi larangan-Nya, maka perbuatan itu dikategorikan baik.

Atas dasar ini, dapat kita katakan bahawa sesuatu yang baik (*khair*) dalam penilaian seorang muslim ialah sesuatu yang direndhai Allah SWT, sedangkan buruk (*syarr*) ialah sesuatu yang dimurkai Allah SWT. Perkara ini merangkumi seluruh perbuatan yang dilakukan oleh manusia atau yang menyimpannya dalam lingkaran yang dapat dikuasainya.

Manakala perbuatan-perbuatan yang dilakukan manusia atau yang menyimpannya dalam lingkaran yang menguasainya, maka manusia memberikan label baik atau buruk sesuai dengan kecintaan dan kebenciannya, atau kemanfaatan dan kemudaratannya. Perkara ini diungkapkan oleh Allah dengan firman-Nya:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾

وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut” [TMQ al-Ma’arij (70): 19-21].

وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

“Sesungguhnya dia sangat bakhil kerana cintanya kepada harta” [TMQ al-‘Adiyaat (100): 8].

Namun begitu, label baik-buruk ini bukanlah merupakan sifat sebenar daripada suatu perbuatan. Adakalanya seseorang melihat sesuatu itu baik walhal ia buruk, dan begitu juga kadangkadangkang seseorang melihat sesuatu itu buruk walhal ia baik. Firman Allah SWT:

وَعَسَىٰ أَن تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ

﴿۲۱۶﴾ شَرُّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

*“Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya”* [TMQ al-Baqarah (2): 216].

Pandangan yang teliti, mendalam dan cemerlang terhadap perbuatan manusia menunjukkan bahawa perbuatan manusia dilihat dari sisi zatnya, tanpa dilihat lagi faktor-faktor dan pertimbangan-pertimbangan lain ialah material belaka. Kewujudannya sebagai material bermakna tidak mempunyai label terpuji (*hasan*) atau tercela (*qabih*) kerana zatnya, melainkan didapati daripada faktor-faktor luar atau pertimbangan-pertimbangan lain. Pertimbangan lain ini boleh berasal daripada akal sahaja atau syariat sahaja. Boleh juga berasal daripada akal yang dibenarkan syarak, atau berasal

daripada syarak, dan akal yang memperkuatnya. Penilaian terpuji atau tercela yang berdasarkan akal semata-mata jelas merupakan perkara yang batil. Sebab, pendapat akal memungkinkan terjadinya perbezaan, perselisihan pendapat, dan pertentangan. Ukuran-ukuran akal yang menentukan terpuji atau tercelanya sesuatu, dipengaruhi oleh suasana persekitaran di mana dia hidup, bahkan berbeza-beza pada setiap zaman. Apabila ukuran terpuji dan tercela itu diserahkan kepada akal, maka sesuatu yang tercela bagi sekumpulan orang mungkin menjadi terpuji bagi yang lain. Bahkan kadang-kadang, sesuatu yang sama dipandang terpuji pada suatu waktu, tetapi dipandang tercela pada waktu yang lain. Islam sebagai suatu *mabda'* yang universal dan abadi telah menentukan sifat perbuatan sebagai terpuji dan tercela secara konsisten untuk seluruh manusia setiap zaman.

Oleh yang demikian, penjelasan suatu perbuatan



apakah terpuji atau tercela mesti ditentukan oleh kekuatan selain akal, yakni berasal daripada syarak. Dengan demikian, penilaian suatu perbuatan manusia dikatakan terpuji atau tercela mesti bersumber daripada syarak. Atas dasar inilah perbuatan khianat dikatakan tercela; menepati janji dikatakan terpuji; perbuatan fasik itu tercela; sedangkan bertakwa (pada Allah) itu terpuji; membelot kepada *Daulah Islamiyah* perbuatan tercela; sedangkan memuhasabah kesalahan-kesalahan *Daulah* apabila menyimpang perbuatan terpuji. Semua ini kerana syarak telah menjelaskan demikian. Manakala menjadikan syarak sebagai dalil terhadap apa yang telah diputuskan oleh akal, maka perkara ini bermakna menjadikan akal sebagai tolok ukur terhadap nilai terpuji dan tercelanya sesuatu, dan perkara ini telah kita jelaskan kebatilannya. Menjadikan akal sebagai dalil terhadap sesuatu yang telah diputuskan oleh syarak, bermakna menjadikan

akal sebagai dalil terhadap hukum syarak, padahal hukum syarak dalilnya ialah nas, bukan akal. Fungsi akal dalam perkara ini adalah untuk “memahami syarak”, bukan menjadikannya sebagai dalil terhadap hukum syarak. Dengan demikian, terpuji dan tercela semata-mata mesti berdasarkan syarak sahaja, bukan akal.

Perbezaan antara sifat suatu perbuatan sebagai baik (*khair*) atau buruk (*syarr*) dengan sifat terpuji (*hasan*) atau tercela (*qabih*) ialah bahawa sifat baik atau buruk tidak lain ditentukan oleh akibat perbuatan tersebut menurut pandangan manusia, juga ditentukan dari segi "melakukan atau tidak melakukan" perbuatan tersebut. Seseorang, biasa menyebut suatu perbuatan itu sebagai berbahaya atau dibenci dengan sebutan buruk. Sedangkan sesuatu yang memberi manfaat dan disenangi/dicintai sebagai sesuatu yang baik. Perkara itu berdasar pada pengaruh perbuatan tersebut terhadap dirinya,

tanpa memerhatikan lagi sifat terpuji dan tercela, malahan perkara itu tidak dijadikan sebagai perhitungannya. Berdasarkan pandangan seperti ini, maka seseorang itu dikatakan boleh memutuskan untuk melakukan sesuatu ataupun tidak melakukannya. Dalam meluruskan pandangan seperti ini perlu dijelaskan bahawa suatu perbuatan tidak dapat disebut baik atau buruk menurut cinta ataupun benci, manfaat ataupun mudarat. Perkara yang menjadi ukuran baik dan buruk ialah *ridha* Allah SWT. Jadi, pembahasan dalam topik ini dilihat dari segi nilai-nilai ukuran baik atau buruk yang biasa digunakan orang, bukan berdasarkan perbuatan itu sendiri.

Mengenai sifat suatu perbuatan disebut terpuji atau tercela, maka ia di pandang berdasarkan ketentuan manusia terhadap perbuatan tersebut, di samping berdasarkan hukuman dan imbalan (ganjaran) terhadap perbuatan tersebut. Manusia memberikan autoriti kepada dirinya sendiri untuk

membuat keputusan terhadap suatu perbuatan bahawasanya sesuatu perbuatan disebut terpuji dan tercela dengan membandingkannya dengan benda atau material. Ini apabila seseorang merasa dirinya mampu untuk memutuskan suatu benda yang pahit sebagai tercela, dan terhadap suatu benda yang manis sebagai terpuji. Begitu juga terhadap bentuk yang menyeramkan disebutnya sebagai tercela, dan terhadap yang elok dan cantik disebutnya terpuji. Perkara ini mendorong manusia merasa dirinya mampu menentukan bahawa kejujuran itu terpuji dan dusta itu tercela, memenuhi janji itu terpuji sedangkan khianat itu tercela. Selanjutnya manusia menganggap dirinya berautoriti untuk menentukan sebahagian perbuatan dengan sifat terpuji dan tercela tanpa memandang baik dan buruk. Dalam perkara ini, baik dan buruk tidak dijadikan sebagai perhitungan. Berdasarkan ketentuan hukum seperti itulah dibuat imbalan bagi perbuatan

yang terpuji, dan hukuman terhadap perbuatan yang tercela. Dalam meluruskan anggapan di atas tadi, perlu dijelaskan bahawa suatu perbuatan tidak dapat dibandingkan dengan material atau benda, kerana material yang dapat dirasakan/dicerap dengan pancaindera; pahit, manis, seram, elok/cantik merupakan sesuatu yang mungkin untuk ditentukan. Sedangkan suatu perbuatan, dalamnya tidak terdapat sesuatu yang dapat dicerap dengan pancaindera seseorang supaya dapat ditentukan hukumnya, apakah perbuatan itu terpuji atau tercela. Oleh yang demikian, tidak mungkin menentukan perbuatan tersebut terpuji atau tercela secara mutlak berdasarkan perbuatan itu sendiri. Penentuan seperti ini mesti diambil daripada zat lain, iaitu Allah SWT. Jadi, pembahasan dalam topik ini ditinjau dari aspek menghukum suatu perbuatan, bukan membuat penilaian tentangnya.

Pembahasan di sini juga berkaitan dengan hukuman atau

imbalan terhadap suatu perbuatan, bukan dari aspek dorongan untuk melakukan perbuatan atau tidak. Dengan demikian, terdapat perbezaan antara terpuji dan tercela dengan baik dan buruk. Keduanya merupakan pembahasan yang terpisah satu sama lain.

Demikianlah topik mengenai sifat suatu perbuatan. Manakala mengenai tujuan atau maksud dilakukannya suatu perbuatan, maka sudah tentu setiap orang memiliki tujuan yang hendak dicapai apabila melakukannya. Tujuan inilah yang biasa disebut *qimatul 'amal* (nilai perbuatan). Oleh yang demikian, suatu perkara yang pasti bahawa setiap perbuatan memiliki nilai tertentu yang ingin dicapai oleh seseorang ketika dia melakukannya. Kalau tidak, tentulah perbuatan itu akan sia-sia. Sungguh tidak wajar seseorang melakukan suatu perbuatan yang sia-sia tanpa ada tujuannya. Bahkan sebaliknya dia mesti memerhatikan tercapainya nilai-nilai

perbuatan.

Nilai suatu perbuatan boleh berbentuk nilai *madiyah* atau materialistik, seperti aktiviti-aktiviti di bidang perdagangan, pertanian, industri dan sejenisnya. Maka, tujuan dilakukannya perbuatan itu adalah untuk mendapatkan hasil berbentuk material, iaitu memperoleh keuntungan. Nilai ini memiliki peranan tersendiri dalam kehidupan. Nilai suatu perbuatan boleh juga berbentuk nilai kemanusiaan (*insaniyah*), seperti menolong orang yang sedang lemas, ataupun orang yang berada dalam kesulitan. Maka dalam perkara ini, yang menjadi tujuan perbuatan tersebut adalah menyelamatkan manusia, tanpa melihat warna kulit, bangsa, mahupun agamanya, atau pertimbangan-pertimbangan lain selain kemanusiaan. Adakalanya nilai suatu perbuatan berbentuk nilai *akhlaqiyah* atau moral, seperti jujur, amanah, ataupun *rahmah* (kasih sayang). Maka, semua perbuatan itu

dilakukan untuk mendapatkan nilai *akhlaqiyah*, tanpa memerhatikan aspek keuntungan material ataupun kemanusiaan. Sebab, kadangkala sifat *akhlaqiyah* ini ditujukan kepada selain manusia, seperti rasa sayang terhadap haiwan dan unggas. Dan boleh juga perbuatan yang bersifat *akhlaqiyah* ini ternyata malah mendatangkan kerugian material. Namun demikian, untuk mencapai nilai *akhlaqiyah* adalah suatu kemestian. Adakalanya nilai suatu perbuatan bersifat *ruhiyah*, seperti ibadah. Dalam perkara ini kegiatan ibadah tidak dilakukan untuk mendapatkan keuntungan material, tidak untuk kemanusiaan, dan bukan perkara *akhlaqiyah*, melainkan semata-mata untuk beribadah. Oleh yang demikian, mesti selalu dijaga pencapaian nilai *ruhiyah* ini tanpa diperhatikan lagi nilai-nilai lainnya. Demikianlah topik mengenai berbagai-bagai nilai perbuatan yang diusahakan oleh setiap orang untuk mencapainya ketika



melakukan berbagai-bagai macam perbuatan.

Pernilaian bagi masyarakat dalam kehidupan di dunia dijalankan sesuai dengan nilai-nilai di atas, atau sesuai dengan pencapaian nilai-nilai tersebut di dalam suatu masyarakat, serta jaminan atas pelaksanaannya yang akan mendatangkan kemakmuran dan ketenangan. Oleh yang demikian, setiap muslim dituntut untuk berusaha sekuat mungkin untuk mendapatkan nilai-nilai yang menjadi tujuan daripada setiap perbuatan yang hendak dilakukannya ketika perbuatan itu dilakukan, sehingga dapat menyumbang untuk mensejahterakan dan mengangkat martabat masyarakat, di samping untuk kesejahteraan dan martabat dirinya.

Nilai-nilai seperti ini tidak memiliki kelebihan atau persamaan berdasarkan nilai (zat)-nya sendiri. Sebab, di dalamnya tidak terdapat ciri-ciri yang dapat dijadikan tanda aras untuk mengutamakan atau menyamakannya satu dengan

yang lain, melainkan merupakan hasil yang menjadi tujuan manusia ketika melakukan sesuatu perbuatan. Oleh yang demikian, kita tidak boleh meletakkannya secara bersama-sama pada suatu timbangan, atau diukur secara bersama-sama dalam satu ukuran. Sebab, nilai-nilai itu berbeza-beza, terkadang malah bertentangan. Manusia biasa membezakan nilai-nilai perbuatan ini untuk memilih yang paling baik sekalipun tidak ada persamaan dan keutamaan antara satu dengan yang lain.

Meskipun demikian, kenyataannya ramai yang tidak merasa puas dengan perkara ini, sehingga tetap mengutamakan atau menyamakan keduanya. Alasannya disebabkan oleh pengutamaan dan penyamaan ini bukan berdasarkan pada nilai itu sendiri, melainkan berdasarkan pada apa yang diperoleh daripada nilai tersebut. Akibatnya, manusia menyandarkan dirinya dalam menentukan

keutamaan atau kesamaan suatu nilai, berdasarkan hasil yang diperolehnya daripada nilai tersebut, baik berbentuk manfaat ataupun mudarat. Pada akhirnya mereka menjadikan dirinya dan apa yang diperolehnya daripada nilai-nilai tersebut sebagai ukuran; sehingga yang terjadi sebenarnya adalah pengutamakan antara kesan nilai-nilai tersebut terhadap dirinya, bukan atas dasar nilai-nilai itu sendiri. Oleh kerana kecenderungan manusia terhadap kesan nilai-nilai itu berbeza, maka keutamaan nilai-nilai tersebut juga akan berbeza.

Orang-orang yang perasaan kerohaniannya dominan dan ingin untuk selalu mencapainya dengan mengabaikan nilai materialistik, akan lebih mengutamakan nilai ibadah dan tidak mementingkan nilai materialistik. Oleh yang demikianlah mereka mengabaikan kehidupan dunia yang bersifat materialistik. Akibat tindakan dan pandangan mereka seperti ini, terjadilah kemunduran kehidupan di bidang material;

di samping kemunduran kehidupan masyarakat, termasuk timbulnya kemalasan dan kelesuan.

Sementara orang-orang yang kecenderungan materialistiknya lebih dominan dan selalu dikuasai oleh hawa nafsu syahwat, serta mengabaikan nilai-nilai ruhiyah, akan lebih mengutamakan nilai materialistik dan berusaha untuk mendapatkannya. Oleh yang demikian, mereka memiliki banyak cita-cita (angan-angan). Maka disebabkan oleh tindakan dan pandangan merekalah terjadi kekacauan di kalangan masyarakat di mana mereka hidup, termasuk menimbulkan berbagai-bagai kejahatan dan korupsi.

Dengan demikian, menjadi suatu kesalahan apabila manusia dibiarkan menentukan nilai-nilai ini. Semestinya nilai-nilai itu ditentukan oleh Zat yang menciptakan manusia, iaitu Allah SWT. Dari sini maka yang menentukan nilai-nilai bagi manusia, serta menentukan waktu pelaksanaannya tidak lain

ialah syarak, dan atas dasar syaraklah manusia dapat mengambilnya.

Syarak telah menjelaskan penyelesaian pelbagai masalah kehidupan melalui perintah-perintah dan larangan-larangan Allah SWT dan telah mewajibkan kepada manusia supaya menempuh kehidupan ini selari dengan perintah-perintah dan larangan-larangan tersebut. Syarak telah menjelaskan perbuatan-perbuatan yang akan menghasilkan nilai *ruhiyah*, berbentuk ibadah-ibadah yang diwajibkan dan disunatkan; sebagaimana keadaannya telah menjelaskan sifat-sifat perbuatan yang akan melahirkan nilai-nilai akhlak. Pada masa yang sama, syarak membiarkan manusia meraih nilai-nilai materialistik yang diperlukannya untuk memenuhi keperluan asasnya (*needs*), bahkan kehendaknya (*wants*) sesuai dengan sistem tertentu (Syariah) yang telah dijelaskan syarak kepadanya, dan diperintahkan supaya

manusia tidak menyimpang daripada sistem tersebut. Sementara, tugas manusia tidak lain hanyalah berusaha untuk meraih nilai-nilai ini selari dengan perintah dan larangan Allah, serta menilainya selari dengan nilai yang telah dijelaskan oleh syarak.

Nilai-nilai akan tercapai dalam masyarakat pada satu tahap yang diperlukannya sebagai masyarakat yang khas. Kemudian, masyarakat tersebut dinilai berdasarkan standard kepada nilai-nilai tersebut. Dengan asas ini, tindakan dilakukan untuk mencapai nilai-nilai tersebut, untuk membina masyarakat Islam berdasarkan pandangan Islam terhadap kehidupan.

Ringkasnya, perbuatan manusia itu adalah bentuk material yang dilakukan oleh seseorang dengan langkah-langkah yang juga bersifat materialistik. Ketika melakukannya dia perlu menyedari hubungannya dengan Allah, iaitu dengan mengetahui apakah perbuatan tersebut halal atau haram,

samada dia perlu melaksanakannya atau menghindarinya. Kesedaran manusia terhadap hubungannya dengan Allah inilah yang dimaksud dengan roh. Dan roh inilah yang mendorong manusia mengetahui syariat Allah SWT supaya dia dapat membezakan perbuatannya, sehingga memahami mana yang baik (*khair*) dan mana yang buruk (*syar*); iaitu perbuatan-perbuatan apa sahaja yang diredhai Allah SWT dan apa sahaja yang dibenci-Nya. Dia dapat membezakan antara perkara yang terpuji (*hasan*) dan tercela (*qabih*) pada ketika syarak menetapkan mana perbuatan yang *hasan* dan mana yang *qabih*; dan juga supaya dia dapat mengetahui nilai-nilai yang diperlukan di dalam kehidupan Islam yang mewarnai masyarakat Islam selari dengan ketentuan syarak. Dengan demikian, sewaktu melakukan suatu perbuatan yang disertai dengan kesedaran akan hubungannya dengan Allah, manusia akan memutuskan apakah akan melakukan perbuatan tersebut

atau menghindarinya selari dengan kesedarannya. Ini kerana dia telah mengetahui jenis, sifat, dan nilai setiap perbuatan. Dari sini terbentuklah falsafah Islam, iaitu penyatuan material dengan roh, dengan menjadikan semua perbuatan dipimpin dengan perintah dan larangan Allah. Falsafah ini bersifat kekal dan tetap bagi setiap perbuatan, baik itu sedikit mahupun banyak, kecil mahupun besar. Ia memberikan gambaran tentang kehidupan. Oleh kerana akidah Islam adalah asas kehidupan, asas falsafah Islam dan asas daripada seluruh sistem kehidupan, maka peradaban (*hadharah*) Islam —yang tidak lain adalah kumpulan konsep (yang mempunyai kebenaran fakta) tentang kehidupan dari segi pandangan Islam— dibina atas asas rohani, iaitu akidah. Pandangan akidah mengenai kehidupan adalah penyatuan material dan roh. Makna kebahagiaan dalam pandangan akidah Islam adalah mendapatkan *ridha* Allah SWT.



Apabila akidah Islam mampu menyelesaikan masalah terbesar manusia yang menjadi asas seluruh perbuatan manusia dan yang dijadikan asas sudut pandangannya dalam kehidupan manakala falsafah Islam pula yang mengatur perbuatannya ini, maka sesungguhnya sistem-sistem yang terpancar daripada akidah akan mampu menyelesaikan permasalahan manusia, dan mengatur seluruh perbuatannya dengan sistem yang teliti. Justeru, penerapan sistem-sistem tersebut telah menentukan kriteria suatu negara sama ada disebut sebagai *Darul Islam* atau *Darul kufur*.

Negara yang menerapkan sistem Islam dan diperintah dengan apa yang diturunkan Allah, dan keselamatannya di tangan Islam, dinamakan *Darul Islam*, walaupun majoriti penduduknya bukan muslim. Sedangkan negara yang tidak memenuhi kriteria-kriteria di atas, dinamakan *Darul Kufur*, walaupun majoriti penduduknya muslim. Telah menjadi

suatu keperluan yang mendasar selepas memeluk akidah ialah wujudnya sistem Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan. Sebab, dengan melaksanakan sistem-sistem ini bersama-sama dengan akidah akan membentuk umat secara alami sehingga memiliki mentaliti (*aqliyah*) Islam dan perwatakan (*nafsiyah*) Islam, yang akan menjadikan seorang muslim memiliki keperibadian (*syakhsiyah*) Islam yang tinggi dan unik.

Islam memandang manusia sebagai kejadian yang bersepadu yang tidak terpisah-pisah. Islam mengatur seluruh perbuatan manusia dengan hukum syarak, dengan suatu sistem yang bersepadu dan konsisten, walaupun perbuatan-perbuatan itu terdiri daripada banyak kategori. Hukum-hukum syarak yang berbentuk sistem Islam inilah yang menyelesaikan berbagai-bagai masalah manusia. Ketika menyelesaikan masalah manusia, hukum syarak menyelesaikannya dengan suatu pandangan bahawa setiap masalah memerlukan suatu

penyelesaian, iaitu dengan suatu persepsi bahawa masalah tersebut merupakan suatu masalah yang memerlukan penyelesaian dengan hukum syarak. Dengan kata lain seluruh masalah kehidupan diselesaikan dengan cara yang sama, iaitu sebagai masalah yang bersifat manusiawi, bukan dengan sifat-sifat yang lain. Islam, misalnya, ketika menyelesaikan masalah ekonomi seperti nafkah, atau masalah pemerintahan seperti perlantikan Khalifah, atau masalah sosial seperti perkahwinan, tidak diatasi berdasarkan sifat-sifatnya sebagai masalah ekonomi, masalah pemerintahan ataupun masalah sosial sahaja, melainkan diatasi dengan suatu pandangan bahawa perkara itu sebagai masalah kemanusiaan secara keseluruhan; lalu diambil suatu hukum bagi masalah tersebut untuk diselesaikan, sebagai suatu masalah yang memerlukan hukum syarak. Dalam perkara ini, Islam memiliki cara yang tetap dalam mengatasi pelbagai macam masalah manusia.

Memahami masalah yang terjadi, lalu menggali hukum Allah mengenai masalah tersebut daripada dalil-dalil syariat yang terperinci.

Sistem-sistem Islam merupakan hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan ibadah, akhlak, makanan, pakaian, *mu'amalah* dan *'uqubat*. Hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan ibadat, akhlak, makanan, dan pakaian tidak boleh dicari-cari *'illat*-nya. Sabda Rasulullah SAW:

حُرِّمَتِ الْخَمْرُ لِعَيْنِهَا

“*Khamr itu diharamkan kerana zatnya.*”

Sedangkan hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan *mu'amalat* dan *'uqubat* dikaitkan berdasarkan *'illat*-nya, kerana hukum syarak dalam perkara ini didasarkan pada suatu *'illat* iaitu punca terbitnya hukum. Sudah menjadi kebiasaan umum, ramai orang mencari *'illat* terhadap semua hukum-

hukum berdasarkan unsur keuntungan, kerana terpengaruh oleh kepemimpinan berfikir (*qiyadah fikiriyah*) Barat dan kebudayaannya (*hadharah*), yang menjadikan manfaat semata-mata sebagai dasar terhadap seluruh perbuatan. Perkara ini bertentangan dengan kepemimpinan berfikir Islam (*qiyadah fikriyyah Islamiyyah*), yang menjadikan roh sebagai asas seluruh perbuatan. Sedangkan penyatuan material dan roh merupakan pengemudi kepada seluruh perbuatan.

Hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan ibadah, akhlak, makanan, dan pakaian tidak boleh dikaitkan dengan *'illat* sama sekali. Sebab, hukum-hukum seperti ini tidak mengandungi *'illat*. Hukum seperti ini diambil sesuai dengan apa yang terdapat dalam nas sahaja, tanpa dikaitkan sama sekali dengan *'illat*, seperti solat, shaum, haji, zakat, tata cara solat, bilangan rakaat solat, *manasik* haji, nisab zakat, dan yang sejenisnya, diambil secara *tauqifi* iaitu sebagaimana

tersebut dalam nash, dan diterima dengan penuh kepasrahan tanpa melihat aspek *'illat*-nya. Bahkan, tidak perlu dicari-cari *'illat*-nya. Begitu juga pengharaman memakan bangkai, daging babi, dan yang sejenisnya, sekali-kali tidak dicari-cari *'illat*-nya. Bahkan adalah suatu kesalahan yang cukup berbahaya apabila mencari *'illat* bagi hukum-hukum tadi. Sebab, apabila ada usaha untuk mencari *'illat* kepada hukum atas perkara-perkara tersebut, implikasinya adalah apabila hilang *'illat*-nya, hukumnya pun akan hilang, sebab “*'illat* itu sentiasa mengikuti *ma'lulnya*, ada atau tidaknya.” Seandainya *'illat* wudlu itu kebersihan, *'illat* solat adalah senaman/kesihatan, *'illat* shaum itu kesihatan dan seterusnya, tentu perkara ini akan mengakibatkan bahawa ketika tidak didapati *'illat*-nya maka tidak akan didapati hukumnya. Jadi, masalahnya tentulah tidak demikian.

Oleh itu, mencari-cari *'illat* dalam masalah ini akan

membahayakan kewujudan hukum dan pelaksanaannya. Maka hukum-hukum ibadat wajib diterima sebagaimana adanya tanpa mencari-cari ‘*illat*-nya. Manakala mengenai hikmah (kelebihan sesuatu perkara), maka sesungguhnya Allah sendirilah yang mengetahuinya. Akal kita tidak mungkin menjangkau hakikat Zat Allah dan tidak akan mampu menjangkau hikmahnya. Apa yang disebutkan dalam nas-nas al-Quran dan as-Sunah mengenai hikmah untuk beberapa hukum, seperti firman Allah SWT:

﴿٤٥﴾... إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

“*Sesungguhnya solat itu mencegah manusia daripada perbuatan keji dan munkar...*” [TMQ al-Ankabut (29): 45].

﴿٢٨﴾... لِيَسْهَلُوا مَنَافِعَ لَهُمْ

“*Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka...*” [TMQ al-Hajj (22): 28].

وَمَا آتَيْتُمْ مِّنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ

﴿ ٣٩ ﴾

“...dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapakan keredhaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda” [TMQ ar-Rum (30): 39].

Begitu juga ayat-ayat lain yang sejenisnya, tentang hikmah yang disebutkan dalam nas-nas syarak, maka pengertian hikmahnya terbatas (apa yang ditunjukkan oleh) nas itu sahaja, dan diambil hanya daripada nas tersebut, tidak dianalogikan kepada yang lain. Apa yang tidak disebut hikmahnya oleh nas, kita tidak boleh mencari-cari hikmahnya sebagaimana kita tidak boleh mencari-cari *‘illat*-nya.

Demikian dalam masalah ibadah. Sementara, dalam



masalah akhlak, ternyata bahawa akhlak memiliki nilai yang dijadikannya sebagai hukum dalam menerangkan beberapa keutamaan dan keluhuran, mahupun perkara yang bertentangan. Begitu juga keadaannya bahawa akhlak dijadikan sebagai salah satu hasil daripada ibadah, dan termasuk perkara yang mesti diperhatikan dalam masalah *mu'amalah*. Sebab, Islam di dalam *tasyri'*-nya bermaksud untuk membawa manusia menuju jalan kesempurnaan hingga mencapai tahap yang paling tinggi yang dapat dicapainya. Lalu berusaha untuk memiliki sifat-sifat mulia dan berusaha supaya tetap dalam keadaan memiliki kemuliaan tersebut. Perilaku yang baik merupakan nilai yang mesti mendapatkan perhatian pada ketika seseorang berbuat untuk memiliki sifat-sifat yang mulia. Perilaku yang baik terbatas pada perbuatan yang terpuji (*fadha'il*) yang telah ditentukan oleh syarak, dan nilai-nilai tersebut mesti diperhatikan pada

ketika melakukan perbuatan-perbuatan yang terpuji dan pada ketika seseorang berusaha memiliki sifat-sifat tersebut. Akhlak merupakan sebahagian daripada syariat Islam serta sebahagian daripada perintah dan larangan Allah yang mesti diwujudkan dalam diri seorang muslim supaya sempurna pengamalan Islamnya serta mampu melaksanakannya perintah dan larangan Allah secara sempurna.

Sifat-sifat *khuluqiyah* yang dimiliki seorang muslim bukan semata-mata kerana akhlak itu sendiri, dan bukan juga kerana sesuatu manfaat. Seorang muslim bersifat demikian kerana Allah telah memerintahkannya supaya mempunyai sifat-sifat tersebut, dan bukan kerana perkara lain. Oleh yang demikian, seorang muslim tidak mensifati dirinya dengan sifat jujur kerana kejujuran itu sendiri, dan bukan juga kerana adanya manfaat dalam kejujuran, melainkan kerana syarak telah memerintahkannya.

Seorang muslim tidak dapat meraih dirinya dengan sifat *khuluqiyah* kerana semata-mata akhlak itu sendiri, namun mesti dikembalikan kepada sifat perbuatan. Kadang-kadang perbuatan yang dilakukan seseorang itu adalah perbuatan buruk, tetapi dia menyangka adalah baik, maka dia melakukannya. Kadang-kadang sifat yang ada pada diri manusia secara tersendiri adalah sifat yang jahat; namun dia mengira sifat itu baik, maka dia meraih untuk dirinya dengan sifat tersebut. Di sinilah muncul kesalahan daripada tindakan manusia terhadap akhlak kerana semata-mata akhlak. Selama Islam tidak menyebutkan sesuatu perbuatan itu *hassan-khair* atau *qabih-syar*, kemudian seorang muslim melaksanakannya tanpa penjelasan tersebut, maka dia tidak mungkin menjadi orang yang meraih sifat-sifat tersebut selari dengan hukum-hukum syarak. Oleh yang demikian, seorang muslim tidak dibolehkan bersifat jujur kerana semata-mata kejujuran, atau

mengasihi yang lemah semata-mata kerana kasihan. Seorang muslim tidak akan melakukan nilai-nilai akhlak ini kerana semata-mata akhlak, akan tetapi kerana sedar bahawa Allah telah memerintahkan sifat-sifat tersebut, di mana akhlak hanya bersandar semata-mata kepada akidah Islam. Perkara inilah yang menjadi persoalan pokok dalam masalah akhlak. Hasilnya akan menjamin kemampuan akhlak dalam mengendalikan nafsu, dan kelestarian akhlak tetap dalam keadaan bersih, bebas dari pencemaran, dan dapat menjauhkan perkara yang dapat merosakkannya. Jadi, untuk menjamin kelestarian akhlak hendaklah membatasi dengan apa yang terdapat dalam nas dan terbatas pada asas *ruhiyy* yang dibangunkan di atas landasan akidah Islam.

Seseorang tidak dapat dikategorikan berakhlak baik kerana dorongan satu manfaat. Sebab, manfaat bukan menjadi tujuan akhlak, dan sememangnya tidak wajar menjadi tujuan.

Semua itu supaya tidak merosakkan akhlak dan supaya manfaat tidak menjadi tumpuan akhlak. Akhlak adalah sifat yang mesti dimiliki seseorang dengan kerelaannya dan dengan pilihannya sendiri, disertai dorongan takwa kepada Allah. Seorang muslim tidak akan melakukan perbuatan akhlak hanya semata-mata perbuatan tadi bermanfaat atau mendatangkan kemudahan dalam kehidupan, akan tetapi ia dilakukan kerana memenuhi perintah dan larangan Allah. Perkara inilah yang akan menjadikan seseorang memiliki sifat-sifat akhlak yang baik secara terus-menerus dan tetap; dan tidak bertindak hanya kerana wujudnya manfaat.

Akhlak yang dibangun atas dasar pertukaran manfaat akan menjadikan pelakunya munafik, di mana batinnya berbeza dengan zahirnya. Ketika akhlak itu didasari nilai manfaat, maka jika ada manfaat, akhlak akan terwujud dalam dirinya. Manusia dapat memutar belitkan hukum-hukum sesuai dengan *'illat-*

nya yang telah ditentukan. Ia tidak akan meyakini adanya akhlak, bahkan kemestian berakhlak, apabila dia melihat *'illat*-nya telah hilang.

Oleh yang demikian, akhlak tidak mempunyai *'illat* dan tidak dibolehkan untuk dicari-cari *'illat*-nya. Sudah semestinya diambil sebagaimana yang disebutkan oleh syarak tanpa perlu meneliti ada atau tidaknya *'illat*. Termasuk suatu kekeliruan, bahkan berbahaya, apabila mencari-cari *'illat* pada masalah akhlak, supaya tidak terjadi kes pembatalan akhlak dengan hilangnya *'illat*.

Dari sini dapat dijelaskan bahawa tujuan (maksud) ibadah semata-mata adalah nilai rohani, sedangkan tujuan (maksud) akhlak adalah nilai akhlak. Kedua-dua nilai tersebut hendaklah menjadi tujuan daripada ibadah atau akhlak, tanpa ada tujuan-tujuan lain. Tidak dibolehkan menjelaskan apa yang terdapat dalam ibadah dan akhlak

dengan mengutamakan faedah-faedah dan manfaatnya, kerana penjelasan yang demikian sangat berbahaya terhadap akhlak, dan akan menyebabkan timbulnya nifaq pada orang-orang yang beribadat dan yang memiliki akhlak. Bahkan akan mendorong untuk meninggalkan ibadah dan akhlak, jika tidak ada manfaat dan faedahnya.

Manakala hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan manusia yang berhubungan antara sesama manusia, maka nas-nas yang mengandungi topik-topik itu di antaranya ada yang menyebutkan *'illatnya*, seperti firman Allah mengenai pemberian harta fa'i Bani Nadhir, iaitu kepada orang-orang Muhajirin sahaja, tidak kepada Anshar.

﴿٧﴾...الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

*“Supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu” [TMQ al-Hasyr (59): 7].*

Terdapat juga hukum yang tidak menyebutkan *'illat-nya*, seperti:

﴿٢٧٥﴾...وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا.

“Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” [TMQ al-Baqarah (2): 275].

Nas yang menyebutkan sebahagian hukum dengan menyertakan *'illat*-nya, maka hukum tersebut berkaitan dengan *'illat* serta dapat diqiyaskan kepada yang lain. Sedangkan nas yang tidak menyebutkan *'illat*-nya, maka *'illat*-nya sama sekali tidak boleh dicari-cari dan tidak dapat dianalogikan kepada yang lain. *'illat* yang sah adalah *'illat syar'iyah*, iaitu yang berdasarkan kepada nas syarak yang diambil dari Kitab dan Sunah, kerana hanya al-Quran dan Sunahlah yang menjadi nas-nas syarak. Oleh yang demikian, *'illat* yang menjadi dasar hukum syarak mesti *'illat syar'iyah*, bukan *'illat aqliyyah*. Dengan kata lain kewujudan *'illat* wajib berdasarkan nas, baik diperoleh secara jelas (*sorohah*), mahupun dengan makna dalil



(*dalalah*), atau melalui pengambilan hukum (*istinbat*) mahupun analogi (*qiyas*). *'Illat* inilah yang selalu beredar bersama objek hukum (*ma'lul-nya*), sama ada wujud ataupun tidak. Berdasarkan perkara ini maka hukum itu berjalan bersama *'illat-nya*, sehingga jika didapati suatu perkara yang dilarang dalam suatu keadaan tertentu kerana ditemukan *'illat syar'iiyyah-nya*, maka apabila *'illat* tersebut telah hilang, perkara tersebut menjadi dibolehkan. Jadi, hukum syarak berjalan sesuai dengan *'illat-nya*, sama ada *'illat-nya* wujud mahupun tidak. Apabila terdapat *'illat-nya*, maka hukumnya ada, dan apabila tidak ada *'illat-nya*, maka hukumnya juga tidak berlaku.

Namun demikian, hilangnya hukum kerana tidak ditemukannya *'illat*, tidak boleh dimaksudkan bahawa hukumnya berubah. Hukum syarak terhadap suatu masalah tetap dan tidak berubah. Hilangnya hukum disebabkan kerana hilangnya

*'illat*, akan kembali berlaku dengan munculnya *'illat*.

Walaupun hukum beredar bersama *'illat*-nya, baik dijumpai mahupun tidak *'illat*-nya, bukan bermakna hukum-hukum syarak berubah sesuai dengan perubahan waktu dan tempat, dengan alasan bahawa mendatangkan manfaat (*maslahat*) dan menolak kerugian (*mafsadat*) merupakan *'illat* bagi hukum-hukum syara. Padahal, nilai manfaat dan kerugian dapat berubah-ubah sesuai dengan perubahan waktu dan tempat. Jika perkara ini dijadikan tanda aras, dengan sendirinya hukum itu akan berubah sesuai dengan perubahan yang terjadi. Tentu sahaja perkara itu tidak boleh terjadi. Sebab, mendatangkan kemaslahatan dan menolak mafsadat, keduanya sama sekali bukan merupakan *'illat* bagi hukum-hukum syarak, kerana tidak terdapat satu nas pun yang menunjukkan bahawa mendatangkan maslahat dan menolak mafsadat adalah *'illat* bagi hukum-hukum syarak. Tidak juga terdapat satu nas

pun yang menunjukkan bahawa perkara tersebut merupakan *'illat* bagi hukum tertentu. Oleh yang demikian, perkara ini bukanlah *'illat syar'iyah*.

*'Illat syar'iyah* adalah apa yang tercantum dalam nas syarak, yang mesti terikat dengan nas dan terbatas pada penunjukan maknanya. Dalam perkara ini nas syarak tidak pernah menunjukkan bahawa mendatangkan *maslahat* dan menolak *mafsadat* sebagai *'illat*. Jadi, *'illat syar'iyah* adalah apa yang telah tercantum di dalam nas, dan bukan didasarkan pada sesuatu yang mendatangkan manfaat atau menolak mudharat. Apa yang disebut oleh suatu nas tidak merujuk (bergantung) kepada waktu dan tempat, bukan juga kerana perbuatan itu sendiri. Indikasinya semata-mata tercantum di dalam nas syarak yang menjelaskan *'illat* suatu hukum. Nasnya sendiri sama sekali tidak akan berubah. Dengan demikian, waktu dan tempat bukanlah sesuatu yang mesti

dipertimbangkan, begitu juga keadaannya dengan alasan mendatangkan manfaat dan menolak mudarat.

Berdasarkan perkara ini, maka hukum-hukum syarak tidak berubah kerana perubahan waktu dan tempat. Hukum-hukum syarak tetap begitu sahaja, tidak berubah walaupun terdapat perubahan waktu dan tempat.

Manakala perubahan tradisi (*'urf*) dan adat-istiadat manusia, juga tidak mempengaruhi perubahan hukum, kerana *'urf* bukanlah *'illat* hukum dan bukan dasar suatu hukum. *'Urf* adakalanya bertentangan dengan syarak, adakalanya juga tidak. Apabila bertentangan dengan syarak, maka syaraklah yang menghapus dan mengubahnya. Sebab, salah satu fungsi syariat adalah untuk mengubah *'urf* dan adat-istiadat yang rosak, yang merupakan penyebab masyarakat menjadi rosak. Inilah yang menyebabkan *'urf* dan adat-istiadat tidak boleh dijadikan dasar mahupun *'illat* hukum syarak. Hukum tidak

berubah kerana *'urf*. Apabila *'urf* dan adat-istiadat tidak bertentangan dengan syarak, maka hukum tersebut ditetapkan berdasarkan dalilnya dan *'illat syar'iyah*-nya; bukan kerana *'urf*; walaupun *'uruf* tersebut tidak menyalahi syarak. Dengan demikian, *'uruf* tidak boleh mengatur syarak, akan tetapi syaraklah yang mengatur *'uruf* dan adat istiadat manusia. Berdasarkan perkara ini, hukum-hukum syarak memiliki dalil iaitu nas, dan memiliki *'illat syar'iyah*; dan tidak ada kaitannya sama sekali dengan tradisi mahupun adat-istiadat.

Berkenaan kesesuaian syariat Islam untuk setiap waktu dan tempat pula, hal ini kerana syariat Islam mampu mengatasi dan menyelesaikan pelbagai masalah manusia pada setiap waktu dan tempat dengan pelbagai macam hukum-hukumnya. Bahkan mampu menyelesaikan semua masalah manusia walau sebanyak mana pun masalah

tersebut, dan walaupun mempunyai ragam yang pelbagai. Perkara ini tidak lain kerana, ketika syarak menyelesaikan masalah-masalah manusia maka penyelesaiannya itu dengan mengambil kira kapasitinya sebagai manusia, bukan dengan sifat lain. Manusia pada setiap masa dan tempat karakteristiknya tetap sebagai manusia. *Gharizah*(naluri) dan keperluan jasmani manusia, selama-lamanya tidak akan berubah. Demikian juga dengan hukum-hukum penyelesaiannya, juga tidak berubah. Yang berubah hanyalah bentuk kehidupan manusia yang tidak berpengaruh terhadap pandangannya mengenai kehidupan. Manakala pelbagai macam tuntutan kehidupan yang sentiasa muncul, maka perkara itu berasal daripada *gharizah* dan keperluan jasmani. Syariat secara luas telah mengatasi dan menyelesaikan bermacam-macam tuntutan yang muncul ini, dalam kepelbagaian bentuk dan variasinya, walau sehebat mana pun

tuntutan kehidupan. Perkara seperti inilah yang menjadi salah satu faktor perkembangan *fiqh*. Namun demikian, keluasan dalam syariat tidak bermakna syariat itu 'fleksibel' sehingga dapat disesuaikan dengan segala sesuatu walaupun bertentangan dengan syarak. Tidak bermakna juga bahawa syariat itu berubah secara beransur-ansur, sehingga dapat diubah sesuai dengan perkembangan zaman. Yang dimaksudkan dengan keluasan nas-nas syarak adalah kewujudannya sebagai sumber pengambilan pelbagai jenis hukum, atau keluasan hukum untuk mengatasi beraneka ragamnya masalah manusia. Sebagai contoh, firman Allah:

﴿ ٦ ﴾ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ

*"...Kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak)mu untukmu, maka berilah kepada mereka upahnya, ..."* [TMQ **ath-Thalaq (65): 6**].

Daripada ayat ini dapat diambil hukum syarak bahawa

wanita yang ditalak berhak mendapatkan upah menyusukan anaknya. Dapat juga diambil hukum syarak, bahawa seorang pekerja, apapun bentuknya, berhak menerima upah apabila melakukan pekerjaannya, baik dia sebagai *ajir 'aam* (pekerja umum) mahupun *ajir khas* (pekerja khusus). Hukum ini juga dapat berlaku terhadap beberapa masalah hukum lainnya, seperti pegawai kerajaan, pekerja kilang, petani (yang diupah) di ladang, dan lain-lain, masing-masing berhak menerima upahnya apabila telah menyempurnakan pekerjaannya, kerana statusnya sebagai *ajir khas*. Juga seorang tukang kayu yang membuat almari, penjahit yang menjahit baju, pembuat sepatu yang membuat sepatu dan yang sejenisnya, masing-masing berhak menerima upah apabila telah melakukan pekerjaannya, kerana statusnya sebagai *ajir 'aam*. Oleh kerana *ijârah* adalah akad/transaksi antara orang yang mengupah pekerja (majikan) dan yang bekerja, maka



yang tidak termasuk dalam topik ini para penguasa. Sebab, penguasa atau pemerintah bukanlah buruh negara (yang diberi upah atau gaji). Penguasa (pemerintah) adalah “pelaksana hukum syarak”, iaitu orang yang melaksanakan Islam. Dengan demikian, seorang Khalifah tidak berhak menerima upah kerana pelaksanaan tugas-tugasnya, sebab dia dibai’at untuk melaksanakan syarak dan membawa dakwah Islam. Khalifah bukanlah pekerja negara (yang diupah). Demikian juga *mu’awin* (pembantu) Khalifah dan para wali, tidak berhak menerima upah atas pelaksanaan tugas-tugasnya, kerana tugas-tugas mereka adalah tugas pemerintahan. Mereka bukan pekerja. Oleh yang demikian, mereka tidak berhak menerima upah. Meskipun demikian, mereka diberikan bayaran sara hidup(elaun) untuk memenuhi keperluan hidupnya, kerana mereka tidak sempat melakukan urusan-urusan peribadi mereka sendiri.

Keluasan nas syarak seperti contoh di atas, untuk pengambilan hukum-hukum yang beraneka ragam; dan kapasitas hukum untuk mengatasi kepelbagaian masalah manusia inilah yang menjadikan syariat Islam mampu menyelesaikan seluruh masalah kehidupan pada setiap zaman dan tempat, untuk setiap umat serta generasi. Hakikat ini tidak menunjukkan bahawa syariat bersifat *murunah* (fleksibel) atau *tathwir* (berubah-ubah).

Dalil hukum syarak yang berasal daripada nas, baik Kitab mahupun Sunah bertujuan untuk mengatasi setiap masalah baru yang terjadi. Pembuat Hukum iaitu Allah (*Syari'*) dalam perkara ini menetapkan untuk mengikuti makna-makna daripada nas, bukan terbatas pada keharfiahan atau zahir nas sahaja. Oleh yang demikian, dalam pengambilan hukum syariat, mesti diperhatikan makna '*illat*, dalam aspek tasyri' yang terkandung dalam nas pada ketika

melakukan *istinbat* hukum.

Suatu dalil adakalanya mengandung suatu *'illat* hukum, atau boleh juga *'illat* diambil daripada suatu dalil yang lain, ataupun daripada sekumpulan dalil-dalil. Walaupun hukum di-*istinbat* (dikeluarkan) daripada suatu dalil tertentu, akan tetapi tetap diperhatikan aspek *'illat*-nya, dan bukan terbatas pada bentuk harfiah teks yang terdapat dalam nas yang ditujukan untuk mengatasi masalah yang terjadi ketika itu. Sebagai contoh, firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ  
اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ ﴿٦٠﴾

“Persiapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu mampu, kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggerunkan musuh Allah dan musuhmu” [TMQ alAnfal (8): 60].

Hukum yang terdapat dalam ayat ini adalah mengenai

persiapan kekuatan. Sedangkan masalah yang terjadi ketika itu diatasi dengan mempersiapkan kekuatan fizikal, di antaranya dengan cara menambatkan kuda-kuda. Manakala arah tujuan *'illat (wajhu al-'illat)* daripada hukum tersebut adalah untuk menakut-nakutkan musuh. Oleh yang demikian, ketika kita hendak mengambil hukum mempersiapkan kekuatan daripada dalil tersebut, kita mesti memerhatikan aspek *'illat* daripada hukum tersebut, iaitu mempersiapkan segala perkara yang dapat menakut-nakutkan musuh. Kita tidak boleh terikat dengan apa yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah yang pernah terjadi pada ketika itu, yang secara harfiahnya tercantum dalam nas, iaitu mesti menambatkan kuda.

Begitulah, apa yang dilakukan terhadap setiap dalil yang di-*istinbat* hukumnya. Ini kerana yang kehendaki ialah mengetahui hakikat (*tahqiq al-'illat*) daripada suatu hukum.

Dengan demikian, syariat Islam menuntut dalam perkara hukum yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia dalam muamalat, supaya berlandaskan kepada *'illat* yang ada. Dan ketika mengambil hukum daripada nas-nas syarak adalah dituntut untuk memerhatikan aspek *tasyri'iyah*-nya, bukan bentuk teks-teks (*harfiyyah*).

Sebagaimana nas-nas dalam kitab dan sunah yang merupakan dalil syarak untuk menentukan suatu hukum; ijmak sahabat dan qiyas juga merupakan dalil syarak. Dengan demikian, dalil-dalil syarak yang memperincikan hukum-hukum syarie terdiri daripada kitab, sunah, ijmak sahabat, dan qiyas. Manakala mazhab sahabat dalam beberapa masalah ijtihad bukan termasuk dalil syarak. Sebab, seorang sahabat termasuk ahli ijtihad, yang memiliki kemungkinan untuk salah. Selain itu, para sahabat pun berbeza pendapat dalam pelbagai masalah yang masing-masing memiliki pendapat yang

berlainan antara satu sama lainnya. Seandainya mazhab sahabat dijadikan sumber dalil syarak, maka akan ada banyak *hujjah* Allah yang berbeza dan bertentangan antara satu dengan yang lain. Oleh yang demikian, mazhab sahabat tidak boleh dijadikan sebagai dalil *syari'e* (sumber pengambilan hukum). Kedudukannya sama dengan mazhab-mazhab lainnya yang diakui dan dibolehkan untuk mengikutinya. Manakala mengenai sesuatu yang menjadi kesepakatan para sahabat terhadap berbagai-bagai hukum, maka perkara ini berupa ijmak, bukan termasuk mazhab sahabat.

Selain mazhab sahabat, syariat yang diturunkan sebelum Islam tidak dianggap sebagai syariat untuk kita; juga tidak dapat di kategorikan sebagai dalil syarak. Walaupun akidah Islam menuntut iman kepada para nabi dan rasul secara keseluruhan dan kitab-kitab yang telah diturunkan kepada mereka, akan tetapi yang dimaksudkan dengan Iman kepada

mereka adalah hanya membenarkan kenabian dan kerasulannya, serta membenarkan apa yang telah diturunkan kepada mereka, yaitu kitab. Iman terhadap mereka bukan bermakna mengikuti syariat mereka. Sebab, setelah diutusny Nabi Muhammad SAW, seluruh manusia dituntut untuk meninggalkan agama masing-masing dan memeluk Islam kerana agama selain agama Islam sudah tertolak. Perkara ini dapat difahami dengan jelas dari firman Allah SWT:

﴿١٩﴾... إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ.

*“Sesungguhnya agama (yang diridhai) di sisi Allah hanyalah Islam”* [TMQ ali-‘Imran (3): 19].

﴿٨٥﴾... وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ...

*“Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) dari padanya”* [TMQ ali-‘Imran (3): 85].

Daripada ayat-ayat tadi muncullah suatu kaedah usul:

«شَرْعٌ مَنْ قَبْلَنَا لَيْسَ شَرْعًا لَنَا»

“Syariat bangsa sebelum kita bukan syariat bagi kita”.

Sebagai bukti kepada perkara ini adalah, para sahabat secara ijma’ menyatakan bahawa syariat Nabi Muhammad SAW menghapuskan seluruh syariat terdahulu, juga berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ  
وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ... ﴿٤٨﴾

“Kami talah menurunkan kepadamu Kitab al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya iaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelum al-Quran) dan yang memelihara serta mengawasinya”

[TMQ al-Maidah (5): 48].



Maksud “*muhayminan ‘alayhi*” dalam ayat tersebut adalah menundukkan (*musaihiran*) dan menguasai (*musallitan*). Penguasaan al-Quran terhadap kitab-kitab terdahulu maknanya memansuhkan (*nasakh*) syariat-syariat sebelumnya. Dengan kata lain, al-Quran membenarkan kewujudan kitab-kitab terdahulu dan sekaligus *menasakhnya*. Diriwayatkan hadits dari Rasulullah SAW, bahawasanya baginda melihat Umar bin Khatthab membawa selembor kertas Taurat yang sedang dibacanya, maka baginda murka seraya bersabda:

«أَلَمْ آتِ بِهَا بَيِّضًا نَّقِيَّةً وَلَوْ أَدْرَكَنِي أَحْيَىٰ مُوسَىٰ لَمَا وَسَعَهُ  
إِلَّا أَتَّبَعِي»

“*Tidakkah aku datang dengan membawa kertas putih bersih, seandainya saudaraku Musa melihatku, tentu Ia tidak akan memilih selain mengikutiku.*” [HR Imam Ahmad, Ibnu Syaibah dan al-Bazzaar].

Banyak di antara aktiviti manasik haji, seperti tawaf (mengelilingi ka'bah), mengusap hajar aswad (batu hitam) serta menciumnya, *sa'i* (lari-lari kecil) antara Safa dan Marwa, kesemuanya telah ada sejak masa jahiliah. Pada ketika kita melakukan dan melaksanakan ibadah itu sesuai dengan cara tersebut, kita tidak melakukannya sebagai manasik yang telah ada dalam syariat terdahulu, melainkan dilakukan berdasarkan syariat Islam. Hal ini kerana Islam telah menentukannya sebagai hukum-hukum syarak yang baru, dan perkara ini bukan pengakuan terhadap syariat sebelumnya.

Demikian keadaannya terhadap segala sesuatu yang berasal daripada agama-agama terdahulu, sama sekali tidak boleh dilakukan. Yang kita lakukan semata-mata apa yang dibawa oleh syariat Islam. Oleh yang demikian, orang-orang Nasrani dan Yahudi menjadi sasaran seruan syariat Islam.

Mereka diperintahkan untuk meninggalkan syariat mereka, kerana Islam telah menghapus syariat kedua-duanya. Apabila perkara ini merupakan kewajiban bagi pengikut syariat Talmud, iaitu orang-orang Yahudi bahkan juga Nasrani, untuk mengikuti syariat Islam; bagaimana mungkin seorang muslim dituntut untuk menjadikan syariat bangsa yang sebelumnya sebagai syariat bagi umatnya?

Mengenai firman Allah SWT:

﴿۱۶۴﴾...إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَىٰ نُوحٍ

*“Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu sebagaimana Kami telah memberikannya kepada Nabi Nuh”*

**[TMQ an-Nisaa’ (4): 163].**

Maksud dalam ayat ini ialah Allah SWT telah mewahyukan kepadanya (Nabi Muhammad SAW), sebagaimana diwahyukan kepada para nabi yang telah mendahului baginda. Sedangkan firman Allah SWT:

﴿١٣﴾...وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا... ﴿١٣﴾

“Telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nabi Nuh” [TMQ asy-Syuura [42]: 13].

Maksudnya, yang telah disyariatkan adalah ajaran-ajaran pokok Tauhid, sebagaimana yang telah diwasiatkan kepada Nabi Nuh. Manakala firman Allah SWT:

﴿١٢٣﴾...ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعِ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا... ﴿١٢٣﴾

“Kemudian Kami wahyukan kepadamu (Muhammad): ‘Ikutilah millah (dasar) Ibrahim” [TMQ an-Nahl (16): 123].

Maksudnya, ikutilah dasar Tauhid. Sebab, *millah* maknanya dasar Tauhid. Maksud daripada ayat-ayat ini dan yang sejenisnya adalah menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW bukanlah rasul yang menyimpang atau berbeza, akan tetapi Allah SWT telah mengutus baginda selari dengan rasul-rasul yang lain. Dan yang dimaksud dengan *addin* dalam ayat, adalah

asas tauhid sama seperti keadaannya yang dibawa seluruh nabi dan rasul. Manakala selain daripada itu, maka setiap rasul telah diutus dengan membawa *din/syariat* yang berbeza-beza sebagaimana firman Allah SWT:

﴿٤٨﴾... جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

“...Untuk tiap-tiap umat diantara kamu (kaum Muslimin dan Ahli kitab), Kami berikan aturan dan jalan hidup yang khas” [TMQ al-Maidah (5): 48].

Dengan demikian maka syariat kaum sebelum kita bukan merupakan syariat bagi kita, dan tidak termasuk salah satu dalil syarak yang dapat dijadikan sebagai sumber pengambilan hukum.

Pada dasarnya, *istinbat* (pengeluaran) hukum dilakukan oleh para *mujtahid*. Untuk mengetahui hukum Allah dalam suatu masalah, tidak lain dilakukan hanya dengan jalan ijtihad. Oleh yang demikian, ijtihad amat diperlukan. Para ulama *usul*

telah menentukan bahawa ijtihad merupakan fardu kifayah atas kaum Muslimin. Di setiap masa tidak boleh kosong daripada kewujudan para *mujtahid*. Apabila umat secara keseluruhan sepakat untuk meninggalkan ijtihad, maka mereka berdosa. Sebab, cara untuk mengetahui hukum-hukum syarak hanya melalui ijtihad. Seandainya suatu masa tidak ada seorang *mujtahid* yang dapat dijadikan sandaran untuk mengetahui hukum-hukum, maka perkara ini akan mengakibatkan tidak berfungsinya syariat dan hilangnya hukum. Keadaan seperti ini tentu tidak dibenarkan terjadi. Hanya sahaja, untuk berijtihad diperlukan pelbagai persyaratan sebagaimana disebutkan oleh para ulama *usul* secara terperinci, antara lain diperlukan penelaahan yang luas, pemahaman yang benar terhadap nas, dan memiliki pengetahuan yang cukup dalam bahasa Arab, diperlukan pemahaman yang luas dalam berbagai masalah syariat, serta

menguasai dalil-dalilnya.

Oleh yang demikian, pengambilan hukum tanpa dilakukan pengamatan terlebih dahulu tidak dapat dinamakan *istinbat*. Demikian juga wujudnya masalahat secara sekilas dalam suatu hukum, kemudian memutar belitkan nas serta menyesuaikannya terhadap sesuatu yang tidak dimaksudkan oleh nas tersebut untuk menetapkan suatu hukum, juga tidak disebut ijtihad. Perkara itu merupakan pencerobohan terhadap agama Allah, yang pelakunya akan mendapatkan seksa Allah.

Memang benar, bahawa pintu ijtihad sentiasa terbuka, akan tetapi terbuka hanya untuk para ulama, bukan untuk orang-orang yang jahil/bodoh. *Mujtahid* terdiri dari tiga jenis. Pertama, *mujtahid mutlak* dan kedua, *mujtahid mazhab*. Keduanya memiliki persyaratan khusus. Yang ketiga adalah *mujtahid al-mas' alatu al-wahidah* (*mujtahid* yang berijtihad

hanya dalam suatu masalah/perkara). Dia adalah orang yang mampu memahami suatu nas dan meneliti suatu masalah/perkara beserta dalil-dalilnya serta dalil para *mujtahidin* dalam masalah/perkara tersebut. Ijtihad sebegini sudah menjadi kemestian bagi seorang Muslim yang hendak mengetahui hukum-hukum Allah. Sebab, syarak pada dasarnya menjadikan seorang Muslim mampu mengambil hukum daripada dalil syarak, supaya dia menjadi seorang *mujtahid* dalam agama, terutama terhadap masalah-masalah yang diperlukannya.

Sayangnya, setelah masa penulisan dan kodifikasi mazhab-mazhab *mujtahidin*, serta pembentukan kaedah-kaedah (*usul*) dan hukum-hukum (*furu'*), konsep ijtihad mulai lemah dalam jiwa kaum Muslimin, dan para *mujtahid* mulai berkurangan jumlahnya, bahkan sehingga kaum Muslimin diselubungi oleh taklid, dan tidak ramai yang melakukan



ijtihad. Sedemikian parahnya dominasi pemikiran taklid sampai ada yang mengatakan bahawa pintu ijtihad mesti ditutup, dan wajib bertaklid. Oleh yang demikian, majoriti kaum Muslimin —walaupun tidak semuanya— telah menjadi orang-orang yang bertaklid (*Muqallid*).

*Muqallid* terdiri daripada dua jenis, iaitu *muqallid muttabi*' dan *muqallid 'ami*. Yang membezakan antara *muqallid muttabi*' dengan *muqallid 'ami*, bahawasanya *muqallid muttabi*' adalah orang yang mengambil hukum daripada hasil *istinbat* seorang *mujtahid*, setelah ia merasa puas terhadap dalil yang menjadi sandarannya. Ia tidak akan mengikutinya hukum sebelum mengetahui dalilnya. Sedangkan *muqallid 'ami* iaitu orang yang mengikutinya pendapat *mujtahid* terhadap suatu hukum syarak, tanpa meneliti dalilnya. Seorang *muttabi*' lebih baik keadaannya daripada pada *'ami*. Sebahagian besar generasi terdahulu terdiri daripada para

*muqallid muttabi*’ kerana perhatiannya yang besar terhadap dalil. Ketika datang masa kemunduran dan kemerosotan, sehingga sukar bagi orang untuk *berittiba*’, mereka pun mulai bertaklid kepada para imam dan *mujtahidin*, dalam beberapa hukum tanpa meneliti dalilnya. Yang mendorong mereka adalah diamnya para ulama dan kerelaan mereka supaya seseorang menjadi *muqallid ‘ami* walaupun mereka berasal daripada kalangan intelektual. Para ulama telah membiarkan sahaja keadaan ini oleh kerana taklid itu sendiri diperbolehkan, tidak kira taklid *ittiba*’ mahupun taklid *‘ami*.

Namun demikian, perlu diketahui bahawa pada asasnya seorang muslim itu mesti mengambil hukum daripada dalilnya, walaupun dia diperbolehkan untuk bertaklid. Dengan kata lain, dibolehkan juga baginya menjadi *muttabi*’, iaitu mengetahui hukum beserta dalilnya dan merasa puas terhadapnya. Perkara ini menjadikan seorang

muslim boleh untuk berijtihad, walaupun dalam satu masalah sahaja. Inilah yang sangat diperlukan di masa sekarang.

Walaupun begitu, fatwa tidak dapat dimasukkan ke dalam kategori ijtihad masalah, sebab fatwa itu sendiri tidak termasuk ijtihad. Bahkan nilainya paling rendah di antara jenis penulisan (karya *fiqh*). Era ini (berleluasanya fatwa) muncul pada masa kemudian. Setelah era para *mujtahidin*, murid-murid mereka, dan era selepasnya, tumpuan beralih dengan melakukan syarah (penjelasan) kepada pendapat (pengasas) mazhab, dan menjelaskan kaedah-kaedah *usul* mazhab tersebut disamping memperkukuh pendapat-pendapatnya. Era ini merupakan masa dominasi bagi ilmu *fiqh*. Pada zaman itu disusun kitab-kitab pokok *fiqh* dalam pelbagai mazhab yang menjadi rujukan utama dalam masalah-masalah *fiqh*. Keadaan ini berlangsung sampai abad ke-7 Hijrah, sehingga menyusul kedatangan era kemunduran *fiqh*, iaitu era

kemunculan kitab-kitab syarah dan nota kaki yang kebanyakannya hilang keaslian, *istinbat* dan *ijtihad* walaupun hanya dalam sebuah masalah tertentu. Setelah itu datang era yang lebih parah lagi, di mana para ulama menempuh cara dalam mengemukakan masalah-masalah dan hukum-hukum tanpa menyebut bahagian-bahagiannya atau dalil-dalilnya. Masalah-masalah inilah yang disebut dengan istilah fatwa. Oleh yang demikian, kitab-kitab *fiqh* yang berbentuk syarah dan *hasyiah* (komen/nota kaki) tidak dapat dijadikan rujukan dalam pengambilan hukum; sama seperti keadaannya dengan fatwa, yang tidak dapat dijadikan sebagai sumber/ rujukan hukum, kerana tersasar jauh daripada metodologi *ijtihad* dalam pengambilan hukum.

Sesuatu yang disusun berdasarkan metodologi kodifikasi hukum tidak dapat dijadikan rujukan dan sandaran dalam pengambilan hukum, sebab termasuk salah

satu bentuk penyerupaan terhadap perundang-undangan Barat. Selain itu, kodifikasi semacam ini merupakan bentuk ringkasan daripada *fiqh* yang lebih banyak mengambil perkara-perkara *fiqhiah* yang tidak ada dalilnya, atau dalilnya lemah; juga diselubungi dengan penyesuaian terhadap zaman dan adanya takwil, supaya selaras dengan pandangan Barat dalam perkara penyelesaian masalahnya, di samping adanya kelangkaan dari segi *tasyri'* dan ketiadaan ijtihad. Kodifikasi seumpama ini tidak boleh diterapkan dan tidak boleh juga dijadikan sumber rujukan, bahkan perkara seperti ini merupakan bencana bagi *fiqh* dan *tasyri'*. Hal ini demikian kerana kodifikasi merupakan usaha yang bersifat taklid, yang dapat melemahkan pengetahuan kaum Muslimin terhadap *fiqh* Islam, walaupun khazanah *fiqh* Islam sangat kaya dan ia merupakan kekayaan terbesar di bidang *fiqh* atau hukum bagi seluruh umat manusia. Sudah menjadi kemestian bagi para

*qadhi* dan penguasa untuk merujuk kepada khazanah *fiqh* tersebut. Dengan adanya kodifikasi dalam bentuk penyerupaan terhadap Barat telah mengerdilkan dan mempersempit *fiqh*, sehingga para *qadhi* tidak akan mengenal *fiqh* apabila mereka hanya mencukupkan diri terhadap perundangan seumpama ini. Di samping itu, kodifikasi seperti ini tidak memiliki bentuk undang-undang, tetapi hanya berbentuk kumpulan daripada nas-nas *fiqh* yang diambil daripada sebahagian *fuqaha*, dan dimuatkan secara berurutan dalam bentuk bab, perkara, dan ayat. Ini menyebabkan tidak ada usaha untuk melahirkan kaedah-kaedah umum yang menjadi topik daripada perkara-perkara dalam perundangan, sekalipun hanya sebagai landasan pelbagai masalah. Apa yang mereka lakukan malahan menjadikan masalah-masalah tersebut sebagai fasal-fasal dalam perundangan. Inilah yang menyebabkan ketidaksesuaiannya dalam bentuk redaksi perundangan,

sehingga apa yang disebut dalam sebahagian perkara-perkara yang berbentuk kaedah umum hanya disebutkan melalui kaedah-kaedah yang tidak menyeluruh, dan hanya merupakan beberapa definisi yang dinukil daripada kitab-kitab *fiqh*. Bahkan dapat dikatakan hampir secara keseluruhan berbentuk demikian. Oleh kerana itu, undang-undang seumpama ini tidak dapat diambil dan digunakan sebagai bahan rujukan, kerana kesalahan susunannya (*uslub*) dan kelemahan kekuatan dalilnya, di samping kerana wujudnya jurang dengan hukum syarak yang diakui berdasarkan dalil-dalil yang terperinci.

Dalam menyusun perlembagaan dan undang-undang demi tercapainya pemahaman bagi para qadhi dan penguasa, perlu digunakan cara-cara seperti berikut:

1. Hendaklah masalah-masalah manusia dipelajari terlebih dulu, kemudian dibuat Perlembagaan Umum dalam bentuk kaedah-kaedah umum yang bersifat menyeluruh, atau

hukum-hukum syarak yang bersifat menyeluruh. Semua itu disandarkan pada *fiqh* Islam, yang diambil daripada seorang *mujtahid*, dengan mempelajari dan mengkaji dalil-dalilnya. Atau diambil daripada al-Quran, Sunah, Ijma', mahupun Qiyas, akan tetapi dengan cara ijihad yang *syar'ie* walaupun ijihad itu bersifat *juz'i* (sebahagian) iaitu ijihad masalah. Hendaklah pada setiap perkara disebutkan mazhab yang menjadi landasannya, serta dalilnya, atau dalil syarak yang di-*istinbat*. Keadaan kaum Muslimin yang buruk, keadaan bangsa-bangsa lain atau sistem lain selain Islam tidak dipertimbangkan.

2. Hendaklah hukum-hukum syarak dijadikan sebagai acuan bagi draf undang-undang dalam *uqubat* (hukuman jenayah), *huquq*(hak-hak), *bayyinat* (pembuktian), dan sebagainya atas dasar apa yang disebutkan dalam poin pertama, selari dengan perlembagaan dengan merujuk kepada mazhab serta dalil-



dalilnya. Hendaklah menggunakan redaksi perundangan dengan menggunakan kaedah-kaedah umum, supaya dapat dijadikan rujukan *fiqh* bagi para *qadhi* dan penguasa.

3. Hendaklah nas-nas syarak, *fiqh* Islam, dan ilmu usul *fiqh* dijadikan sebagai sumber rujukan bagi penafsiran perlembagaan (*dustur*) dan undang-undang untuk para *qadhi* dan penguasa, sehingga memberi kemudahan bagi mereka untuk memahaminya secara mendalam. Seorang *qadhi* tidak dibenarkan memutuskan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang telah diterima pakai (*di-tabanni*) oleh *Daulah* daripada hukum-hukum syarak. Ini kerana:

((أمر الإمام نافذ ظاهرا وباطنا))

“Perintah imam mesti dilaksanakan secara *zahir* mahupun *batin*.”

Manakala perkara-perkara yang akan diputuskan oleh *qadhi*, yang tidak *di-tabanni* *Daulah*, maka seorang *qadhi* mesti

mengambil keputusan berdasarkan hukum syarak yang sesuai dengan permasalahannya, baik yang diambil dari pendapat *mujtahid* lain, mahupun pendapat yang digalinya sendiri melalui ijtihad.

4. Hendaklah ketika menggali hukum-hukum dan *men-tabanni*-nya sentiasa memerhatikan pemahaman terhadap fakta dan *faqih* terhadap fakta tersebut. Juga mesti memahami wajibnya menyelesaikan fakta persoalan itu berdasarkan dalil syarak, iaitu memahami hukum Allah yang telah ditetapkan terhadap masalah yang sedang dihadapi; kemudian hukum tersebut diterapkan terhadap fakta yang ada. Dengan kata lain, dengan mengetahui fakta dan ber-*tafaquh* terhadap fakta itu, akan menyampaikan pengetahuan kepada hukum Allah.

Negara melaksanakan syariat Islam bagi setiap orang yang memiliki kewarganegaraan, baik muslim mahupun non-

muslim. Warganegara non-muslim dibiarkan beramal pada perkara yang berkaitan dengan akidah dan ibadahnya. Sedangkan perkara yang berkaitan dengan makanan dan pakaian, diperlakukan sesuai ketentuan agama mereka dalam kerangka undang-undang umum yang berlaku. Manakala perkara yang berkaitan dengan hukum keluarga di antara mereka, seperti nikah dan talak, diuruskan sesuai dengan agamanya. Urusan syariat Islam yang lain, seperti masalah muamalat, *uqubat*, pemerintahan, ekonomi, dan lain-lain, berlaku sama bagi semuanya, baik terhadap kaum Muslimin mahupun non-muslim. Mengenai kaum Muslimin, negara menerapkan syariat Islam terhadap mereka secara keseluruhan, baik yang berkaitan urusan ibadah, akhlak, muamalat, *uqubat* ataupun yang lain. Kewajiban Negara adalah menerapkan Islam secara keseluruhan. Pelaksanaannya terhadap non-muslim hendaklah dianggap sebagai salah satu

cara mengajak mereka kepada agama Islam, sebab syarak berlaku umum bagi seluruh umat manusia. Negara menguatkuasakannya di setiap negeri yang dikuasainya supaya dapat menyebarkan dakwah Islam. Sebab, rahsia aktiviti penaklukan (*futuhat*) Islam adalah untuk membawa dakwah Islam.

Islam adalah akidah yang memancarkan sistem. Sistem ini merupakan hukum-hukum syarak yang telah digali daripada dalil-dalil yang terperinci. Islam telah menjelaskan di dalam sistem bagaimana undang-undangnya diterapkan melalui syariah. Hukum-hukum syarak yang menjelaskan tatacara pelaksanaan dinamakan *thariqah*, dan yang lain berupa *fikrah*. Dengan demikian, Islam terdiri daripada *fikrah* dan *thariqah*. Aqidah dan hukum syarak yang menyelesaikan masalah manusia disebut *fikrah*. Sementara hukum syarak yang menjelaskan cara pelaksanaan penyelesaian masalah manusia,

cara memelihara aqidah, dan cara membawa dakwah disebut *thariqah*. *Thariqah* Islam merupakan bahagian yang tidak tepisahkan daripada *fikrah*-nya. Oleh yang demikian, dalam dakwah Islam tidak boleh mencukupkan diri hanya dengan menerangkan *fikrah-fikrah*-nya sahaja, melainkan juga mesti mencakup *thariqah*-nya.

*Mabda'* (ideologi) adalah kumpulan daripada *fikrah* dan *thariqah*. Keimanan kepada *thariqah* sama keadaannya dengan keimanan kepada *fikrah*. Sudah menjadi kemestian untuk menyatukan *fikrah* dan *thariqah*, dan tidak memisahkan antara kedua-duanya. Kedua-duanya mesti diikat dalam satu ikatan, di mana sebuah *fikrah islamiyah* tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan menggunakan *thariqah islamiyah*. Gabungan kedua-duanya itulah yang akan membentuk Islam, yang diterapkan dan disebar luaskan dakwahnya. Selama *thariqah* telah ada dalam syariat, maka

wajib membatasinya pada perkara yang telah disebutkan oleh syarak, dan apa yang telah digali dari nas-nasnya. Hukum-hukum tentang *fikrah* terdapat dalam Kitab dan Sunah, demikian juga hukum-hukum tentang *thariqah*, seperti firman Allah SWT:

﴿٥٨﴾...سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَلَيْسَ لِي بِعِزَّةٍ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۚ

*“Jika kamu mengetahui pengkhianatan dari suatu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur”* [TMQ al-Anfal (8): 58].

Ayat di atas mengandung hukum *thariqah*, sama seperti sabda Rasulullah SAW:

لَا تَمْنُوا لِقَاءَ الْعَدُوِّ، وَإِذَا لَقَيْتُمُوهُمْ فَاصْبِرُوا

*“Janganlah kamu mengharap-harap bertemu dengan musuh, tetapi jika kalian telah bertemu dengan musuh maka bersikap teguhlah”* [HR Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah].

Hukum-hukum thariqah dapat digali melalui ijihad daripada Kitab, Sunah, Ijma' Sahabat dan Qiyas, sebagaimana hukum-hukum yang lainnya. Ketika Sunah berperanan sebagai penjelas terhadap al-Quran, maka dalam al-Quran kadangkala terdapat *fikrah* dalam bentuk yang global, lalu dirinci oleh Sunah. Kadangkala dalam al-Quran terdapat *thariqah* dalam bentuk umum, lalu dirincikan di dalam Sunah. Oleh yang demikian, kita mesti menggunakan petunjuk Nabi saw. sebagai pelita, supaya kita dapat mengambil hukum-hukum *thariqah* daripada perbuatan-perbuatan baginda yang terdapat di dalam sirahnya; juga ucapan, dan sikap diamnya, sebagaimana kita mengambilnya daripada al-Quran. Sebab, semua itu merupakan syariat. Kita juga mesti menjadikan para *Khulafa ar-Rasyidin* sebagai tauladan dalam memahami sirah, termasuk para sahabat lainnya, sebagaimana kita

menjadikan akal kita sebagai alat yang efektif untuk memahami serta menggali hukum sesuai dengan cara yang telah ditentukan oleh syarak.

Hukum syarak yang menjelaskan tatacara(*kaifiyat*) pelaksanaan, menunjukkan pada perbuatan yang mesti dilakukan, baik yang berkaitan cara penerapan hukum mahupun cara membawa dakwah. Maka, cara-cara ini mesti dilaksanakan. Perbuatan-perbuatan seumpama ini bukan tergolong dalam *wasilah* (alat), kerana *wasilah* itu merupakan alat yang digunakan untuk mengerjakan suatu perbuatan. *Wasilah* dapat berubah sesuai keadaan, dan dapat ditetapkan menurut jenis perbuatan. Oleh kerana itu, *wasilah* tidak semestinya digunakan secara tetap menurut keadaan tertentu. Manakala perbuatan-perbuatan yang berbentuk *thariqah*, maka perkara ini tidak berubah(tetap) bahkan mesti dilakukan sesuai petunjuk nas, dan tidak boleh



melakukan perkara di luar daripada yang telah dijelaskan oleh syarak. Suatu perbuatan juga tidak boleh dikerjakan di luar konteks yang telah dijelaskan oleh hukum syarak.

Dengan melihat secara teliti kepada seluruh perbuatan yang telah ditunjukkan oleh hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan *thariqah*, akan dijumpai bahawa perbuatan yang tergolong dalam *thariqah* adalah perbuatan-perbuatan yang bersifat fizikal, dan dapat menghasilkan sesuatu yang nyata dalam kehidupan; bukan perbuatan yang menghasilkan sesuatu yang tidak nyata, sekalipun kedua jenis perbuatan ini akan menghasilkan nilai perbuatan yang sama. Sebagai contoh, doa merupakan perbuatan yang dapat menghasilkan nilai rohani, dan jihad juga merupakan perbuatan fizikal yang dapat menghasilkan nilai rohani. Walaupun doa merupakan perbuatan fizikal, akan tetapi hasilnya tidak berbentuk fizikal, iaitu berupa pahala; sekalipun tujuan orang berdoa adalah untuk

mendapatkan nilai rohani. Berbeza keadaannya dengan jihad.

Jihad adalah aktiviti memerangi musuh, yang merupakan perbuatan fizikal yang akan menghasilkan sesuatu yang nyata, iaitu berbentuk penaklukan benteng-benteng, pertahanan kota-kota atau membunuh musuh, dan seumpamanya; walaupun tujuan daripada seorang mujahid adalah untuk mendapatkan nilai rohani. Oleh yang demikian, perbuatan yang terkait dengan *thariqah* merupakan perbuatan yang bersifat nyata, yang akan menghasilkan sesuatu yang bersifat fizikal dan berbeza dengan perbuatan-perbuatan lain. Maka dengan itu, doa tidak dapat dijadikan *thariqah* untuk berjihad, walaupun seorang mujahid sentiasa berdoa kepada Allah. Demikian juga keadaannya dengan nasihat, tidak dapat dijadikan *thariqah* bagi mencegah seorang pencuri, sekalipun dia dinasihati dan diarahkan. Firman Allah SWT:

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ

اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٩﴾

“Perangilah mereka itu, sehingga tidak ada lagi fitnah (syirik) dan (sehingga) agama seluruhnya hanya untuk Allah sahaja”

[TMQ al-Anfal (8): 39].

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا... ﴿٣٨﴾

“Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya” [TMQ al-Maidah (5): 38].

Berdasarkan perkara ini, setiap perbuatan yang menghasilkan sesuatu yang tidak nyata mesti ditolak, jika dilakukan untuk melaksanakan *fikrah* Islam, sebab perkara itu bertentangan dengan *thariqah* Islam. Yang demikian ini tidak ada perbezaan antara perbuatan-perbuatan yang dilakukan untuk melaksanakan hukum-hukum yang berkaitan dengan penyelesaian pelbagai masalah kehidupan

dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan untuk membawa dakwah Islam. Sebagai contoh, solat merupakan sebahagian daripada *fikrah*, dan *thariqah* pelaksanaan dan penjagaannya melalui negara. Maka, negara tidak boleh menjadikan pendidikan dan pengarahannya sebagai satu-satunya *thariqah* supaya manusia mendirikan solat. Akan tetapi negara wajib menjatuhkan hukuman kepada orang yang meninggalkan solat, dalam bentuk hukuman fizikal seperti kurungan/penjara; walaupun negara tetap melakukan pendidikan dan pengarahannya. Contoh lain, bahawa membawa dakwah Islam adalah sebahagian daripada *fikrah*, dan cara pelaksanaannya dibebankan kepada negara, iaitu dengan jihad memerangi musuh. Maka, tidak dibenarkan negara melawan musuh hanya dengan cara membaca Sahih Bukhari untuk menghilangkan halangan-halangan fizikal yang menghadang dakwah. Yang mesti dilakukan negara adalah

berjihad, iaitu memerangi musuh dengan cara fizikal. Begitu juga perbuatan-perbuatan lainnya.

Perlu diketahui, walaupun perbuatan yang ditunjukkan oleh *thariqah* adalah perbuatan fizikal yang menghasilkan sesuatu yang nyata, akan tetapi perbuatan seumpama ini mesti diatur selari dengan perintah Allah dan larangan-Nya. Pengaturan yang didasarkan pada perintah dan larangan-Nya ini mesti ditujukan semata-mata untuk meraih *ridha* Allah. Seorang muslim mesti sentiasa menyedari hubungannya dengan Allah, sehingga dia selalu mendekatkan diri kepada-Nya dengan solat dan doa, membaca al-Quran dan sebagainya. Seorang muslim wajib meyakini bahawa kemenangan hanya datang daripada Allah. Oleh yang demikian, amat diperlukan adanya takwa yang tertanam di dalam dada untuk melaksanakan hukum Allah. Begitu juga

diperlukan doa dan zikir kepada Allah, serta terus menjaga hubungan dengan Allah setiap kali melakukan suatu aktiviti.

Perkara ini dilihat dari segi *thariqah* sebagai kumpulan hukum syarak, yang mengikat dan tidak boleh dilanggar. Juga dari segi *thariqah* yang merupakan perbuatan untuk mewujudkan perkara yang nyata. Manakala dari segi pencapaian hasil, mesti mengikuti kaedah *amaliah*, iaitu hendaklah suatu perbuatan didasarkan pada suatu pemikiran dan tujuan(*ghayah*) tertentu. Pemerhatian terhadap suatu realiti yang didahului oleh pengetahuan sebelumnya akan menghasilkan suatu pemikiran. Pemikiran seperti ini mesti diiringi dengan perbuatan. Dan hendaklah pemikiran dan perbuatan dilakukan dalam rangka mencapai tujuan tertentu. Semua ini mesti berdasarkan keimanan, sehingga seseorang tetap bertindak dalam suasana iman secara terus menerus. Sekali-kali tidak dibenarkan memisahkan perbuatan dengan

pemikiran, atau dipisahkan dengan tujuan tertentu, ataupun dengan keimanan. Pemisahan semacam ini —walaupun sedikit— akan membahayakan perbuatan itu sendiri, tujuan-tujuannya serta kelestariannya. Ini kerana orang yang akan mengerjakan suatu perbuatan mesti memahami terlebih dahulu tujuan-tujuannya dengan jelas, kemudian barulah mengerjakannya. Dengan demikian perbuatan mesti dilandasi suatu perasaan yang dijalin dengan pemikiran. Dengan kata lain, hendaklah pemahaman dan pemikiran itu lahir daripada suatu pemerhatian, bukan sekadar sangkaan terhadap masalah-masalah khayalan belaka. Pemerhatian terhadap realiti berlaku di dalam otak, digabungkan dengan maklumat terdahulu menghasilkan aktiviti di dalam otak, yang dinamakan pemikiran. Inilah yang akan menghasilkan kedalaman berfikir dan produktiviti dalam perbuatan. Perasaan yang disertai dengan pemikiran akan melahirkan

kepekaan berfikir, iaitu suatu kepekaan yang dapat diperkuat oleh pemikiran seseorang. Kepekaan para pemikul dakwah, misalnya, sesudah memahami masalah-masalah dakwah, akan lebih kuat dibandingkan dengan sebelumnya.

Merupakan sesuatu yang berbahaya memindahkan suatu perasaan menjadi bentuk perbuatan secara langsung tanpa difikirkan terlebih dahulu, kerana perkara ini tidak akan mengubah realiti, bahkan menjadikan manusia berfikir mundur dan terkebelakang. Ia bertindak dengan pemikiran yang rendah/mundur dengan menempatkan realiti (kenyataan) sebagai sumber pemikiran, bukan sebagai objek pemikiran. Jadi, pemerhatian mesti dibawa sampai ke tahap berfikir, barulah kemudian pemikiran tersebut akan membawanya menjadi perbuatan. Inilah yang memungkinkan seseorang melepaskan diri daripada suatu keadaan, kemudiannya bangkit serta berusaha untuk beralih kepada keadaan yang lebih baik



secara revolusi. Orang yang mencerpah realiti kemudian bertindak, maka perbuatannya itu tidak akan dapat mengubah realiti, malahan akan menyesuaikan dirinya dengan realiti. Akhirnya dia tetap terkebelakang dan tertinggal. Sedangkan orang yang merasai suatu realiti, kemudian berfikir mengenai cara untuk mengubah realiti itu, lalu dia melakukan tindakan berdasarkan pemikirannya, maka tindakan inilah yang akan mengubah realiti selari dengan ideologinya, dengan perubahan yang menyeluruh. Inilah cara yang sesuai dengan metodologi revolusi, yang tidak lain adalah satu-satunya kaedah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam. Metodologi ini menuntut pemikiran terbentuk sebagai hasil daripada pemerhatian, kemudian memperjelas pemikiran ini sehingga dapat menggambarkan bentuk-bentuk yang sistematik terhadap *fikrah* dan *thariqah* di dalam otak. Memahami ideologi dengan cara yang benar, akan mendorong seseorang untuk melakukan

suatu perbuatan, sehingga pemikiran ini dapat menghasilkan perubahan yang sempurna. Pada ketika itu, ia akan berusaha untuk mempersiapkan individu-individu dan masyarakat serta persekitarannya dengan pemikiran tersebut, supaya terjadi perubahan mendasar dalam pendapat umum; setelah sebelumnya wujud kesedaran umum terhadap ideologi ini, baik dari segi *fikrah* mahupun *thariqah*-nya. Kemudian, ideologi akan mulai diterapkan secara praktikal melalui pemerintahan, dengan penerapan yang bersifat revolusi, tanpa menerima perlaksanaan secara bertahap dan tampalan. Kaedah revolusi ini menuntut pemikiran yang muncul daripada proses pemerhatian, yang disertai aktiviti untuk meraih tujuan tertentu. Perkara ini tidak akan tercapai kecuali dengan pemikiran yang mendalam.

Pemikiran yang mendalam seperti ini memerlukan faktor-faktor untuk mewujudkan, menumbuhkan, dan

menyuburkannya. Metodologi revolusi ini memerlukan persiapan individu mahupun masyarakat dengan ideologi (*mabda'*) Islam. Usaha yang digunakan untuk mewujudkan pemikiran yang mendalam dan persiapan individu untuk menerima *mabda'* memerlukan kajian tentang Islam dari kalangan mereka yang hendak berjuang, di samping memerlukan kajian tentang keadaan masyarakat. Ini tidak akan terjadi kecuali dengan cara membina minda dengan berbagai-bagai pengetahuan. Belajar merupakan jalan yang termudah dan paling dekat untuk mendapatkan pengetahuan untuk minda bagi mewujudkan pemikiran yang mendalam. Islam mempunyai metodologi yang khas dalam pembelajaran. Apabila metodologi ini diikuti, pastilah akan menghasilkan pengaruh pada pembelajaran tersebut. Metodologi ini menyatakan bahawa pengetahuan mesti dipelajari untuk diamalkan. Pelajaran mesti disampaikan kepada pelajar

melalui proses berfikir yang membekas dan memberikan pengaruh terhadap perasaannya, sehingga pembawaan dan tanggungjawab dalam hidupnya dihasilkan oleh pemikiran yang membekas, sampai di dalam dirinya terwujud semangat yang berkobar-kobar. Pada masa yang sama, terwujud juga pemikiran dan pengetahuan yang amat luas, sekaligus usaha untuk mengamalkannya yang muncul secara semulajadi. Dengan kaedah pendidikan seperti ini, akan muncul pemahaman dan kemampuan pada diri pelajar, yang berasal daripada pemahamannya yang membekas. Pemikirannya akan semakin luas dan terpadu dengan perasaannya. Dengan metodologi itu juga, seorang pelajar akan mengetahui hakikat-hakikat yang memungkinkan agar mampu menyelesaikan masalah kehidupan. Oleh yang demikian, sistem pembelajaran yang abstrak dengan sekadar menuntut ilmu sahaja mesti dijauaskan, supaya pelajar tidak hanya menjadi

buku yang bergerak. Begitu juga sistem pembelajaran tidak boleh menjadi sekadar memberikan nasihat dan panduan. Jika tidak, akan mengakibatkan kedangkalan berfikir, di samping kosong daripada semangat iman. Pelajar pun tidak boleh menganggap bahawa belajar Islam hanya sekadar ilmu dan nasihat belaka. Dia mesti sedar bahawa mempelajari Islam sekadar ilmu dan nasihat merupakan perkara yang membahayakan aspek pengamalannya, bahkan akan melalaikan dan mengabaikannya.

Untuk mencapai tujuan dalam suatu aktiviti, mesti tergambar bahawa tujuan tersebut memerlukan keseriusan, perhatian, dan keterikatan terhadap ketentuan-ketentuan kepartian (*at-tabi'atul hizbiyah*); di samping mesti tetap terikat kepada Islam. Islam mempunyai ketentuan yang berbentuk perintah dan larangan, di samping tuntutan berupa pengorbanan harta dan nyawa. Di antara ketentuan ini ada yang wajib bagi

setiap individu, ada juga yang lebih daripada itu. Masing-masing boleh memilihnya. Bagi yang ingin lebih mendekati diri kepada Allah SWT, maka perkara itu dilakukan oleh mereka yang mempunyai ketinggian spiritual dan pemikiran. Melaksanakan keterikatan terhadap ketentuan-ketentuan tadi adalah suatu kemestian untuk mencapai tujuan. Berdasarkan keadaan ini, jiwa mesti dibiasakan dan dipaksa untuk melaksanakan seluruh ketentuan yang wajib dalam seluruh aspek; baik harta, jiwa dan raga, hingga terwujud harapan untuk mencapai tujuan.

Untuk menghasilkan aktiviti dakwah mesti ditentukan tempat memulainya dan sekumpulan individu yang memulakan usaha tersebut. Memang benar Islam itu bersifat internasional. Islam memandang seluruh manusia dengan pandangan yang sama dan tidak membezakan antara yang satu sama lain, serta tidak memerhatikan perbezaan persekitaran,

iklim, serta tempat. Bahkan setiap manusia itu boleh menerima dakwah, dan menganggap bahawa setiap muslim mempunyai tanggungjawab dalam penyampaian dakwah ini ke seluruh umat manusia. Meskipun demikian, dakwah tidak boleh dimulai secara global, kerana cara seumpama ini akan berakhir dengan kegagalan dan tidak akan mendatangkan hasil. Dakwah bahkan mesti dimulai daripada seorang individu, kemudian menyebar ke seluruh dunia. Dakwah mesti dikembangkan di satu tempat tertentu, sehingga boleh dijadikan sebagai titik awal. Barulah kemudian tempat tersebut atau tempat lainnya (di mana dakwah telah berkembang) dapat dijadikan sebagai titik tolak dakwah. Dari situlah dakwah akan menyebar pada jalan yang semestinya, lalu tempat tersebut ataupun yang lain dijadikan sebagai titik sentral penubuhan *Daulah*, yang akan memusatkan kegiatan dakwahnya, dan akan menyebar di

jalan yang sepatutnya, iaitu melalui jalan jihad. Meskipun beberapa tempat ditetapkan sebagai wilayah dakwah untuk setiap titik (titik awal, titik tolak, dan titik sentral), namun yang berpindah dari titik yang satu ke titik yang lain adalah dakwah, bukan tempatnya. Dakwah akan menyebar ke pelbagai tempat yang telah ditentukan pada waktu yang sama. Sekalipun sudah lazim menentukan tempat yang dijadikan sebagai titik awal, lalu menjadi titik tolak, dan titik sentral, akan tetapi penentuan tempat bagi setiap titik tersebut masing-masing bukan termasuk wilayah yang dikuasai oleh manusia. Manusia tidak mampu menjangkaunya dan tidak mampu menguasainya. Semua itu termasuk ke dalam wilayah yang menguasai manusia. Dalam perkara ini, manusia hanya berusaha dan bertindak sebatas wilayah yang mampu dikuasainya. Sedangkan perbuatan-perbuatan yang masuk di wilayah lain, maka perkara itu sesuai dengan kehendak dan



ketentuan Allah SWT.

Penentuan *nuqtatul ibtida'* (titik awal) dilakukan di tempat munculnya seseorang yang pertama kali memiliki gambaran yang cemerlang tentang dakwah, dan dia dipersiapkan oleh Allah SWT untuk membawanya. Mungkin ramai orang yang telah merasakan perkara ini, tetapi yang dipersiapkan Allah untuk membawa dakwah ini tidak diketahui sehingga kemunculannya. Kemudian dakwah bermula di tempat dia hidup, dan tempat itulah yang menjadi titik awal.

Sedangkan mengenai *nuqtatul intilaq* (titik tolak), perkara ini bergantung kepada persiapan masyarakat, kerana masyarakat itu berbeza dalam pemikiran, perasaan mahupun sistemnya. Jika di suatu tempat terdapat masyarakat yang sudah bersedia, dan suasana dakwah lebih baik daripada tempat lain, maka tempat tersebut boleh dijadikan sebagai titik tolak.

Pada umumnya yang menjadi tempat bagi titik awal akan menjadi tempat bagi titik tolak, walaupun ia bukan suatu kepastian. Sebab, tempat yang paling layak menjadi titik tolak adalah tempat di mana di dalamnya berkembang kezaliman, baik dalam aspek politik mahupun ekonomi, dan yang di dalamnya bermaharajalela ateisme/kekufuran dan korupsi.

*Nuqtatul irtikaz* (titik sentral) juga bergantung kepada kejayaan dakwah dalam masyarakat. Tempat di mana dakwah belum berhasil mengubah masyarakat dan belum menunjukkan suasana dakwah yang kondusif, tidak sesuai dijadikan sebagai titik sentral, walaupun di sana terdapat pemikul *mabda'* Islam dalam jumlah yang ramai. Sedangkan tempat yang telah menerima *fikrah* dan *thariqah*, serta keadaan masyarakatnya kondusif, juga *fikrah* dan *thariqah* tadi telah mendominasi persekitaran tersebut, maka tempat itu sesuai

sebagai titik sentral, tanpa memerhatikan lagi jumlah pemikul *mabda'* Islam di dalamnya.

Oleh yang demikian, para pemikul *mabda'* tidak boleh mengukur (kejayaan) dakwahnya dengan jumlah pengikutnya. Ukuran seperti ini jelas salah dan membahayakan dakwah, kerana ia akan mengalihkan perhatian para pemikul dakwah daripada masyarakat kepada individu-individu. Keadaan ini boleh mengakibatkan kelembapan, bahkan boleh mengakibatkan kegagalan dakwah di tempat itu. Alasannya mengapa perkara ini boleh terjadi adalah kerana masyarakat itu tidak tersusun daripada individu-individu sahaja, sebagaimana anggapan kebanyakan orang. Individu adalah sebahagian daripada kumpulan masyarakat, sedangkan yang mempersatukan individu-individu dalam suatu masyarakat adalah faktor-faktor lain, iaitu berbentuk pemikiran, perasaan dan sistem kehidupan.

Oleh kerana itu, dakwah mesti ditujukan untuk meluruskan pemikiran, perasaan dan sistem. Aktiviti ini termasuk dalam dakwah *jama'iyah* dan dakwah untuk masyarakat, bukan dakwah untuk individu. Usaha memperbaiki individu dilakukan tidak lain untuk menjadikan mereka sebahagian daripada kumpulan(*kutlah*) dakwah, yang akan membawa dakwah ke dalam masyarakat. Para pemikul dakwah yang telah memahami hakikat dakwah akan menumpukan kegiatannya terhadap masyarakat. Mereka berpandangan bahawa memperbaiki individu tidak mungkin menghasilkan pembaikan masyarakat, dan individu tersebut tidak mungkin berada dalam keadaan baik terus menerus. Pembaikan individu akan tercapai dengan jalan memperbaiki masyarakatnya. Apabila masyarakatnya telah diperbaiki, dengan sendirinya individu akan dapat diperbaiki juga. Oleh yang demikian penting untuk mewujudkan semangat

dakwah kepada masyarakat, dan tetap berpegang pada kaedah yang semestinya, iaitu:

«أَصْلِحِ الْمُجْتَمَعَ يَصْلِحِ الْفَرْدُ وَيَسْتَمِرُّ إِصْلَاحُهُ»

*“Perbaikilah masyarakat, nescaya individu akan menjadi baik, dan terus menerus dalam keadaan baik.”*

Masyarakat itu seperti keadaannya air yang berada di dalam sebuah tempayan besar. Apabila di sekelilingnya diletakkan sesuatu yang membekukan, maka air itu akan membeku lalu mengeras (menjadi ais). Begitu juga masyarakat, apabila dilontarkan berbagai-bagai *mabda'* (ideologi) yang rosak, tentu masyarakat tersebut akan dikongkong kerosakan, dan akan terus merosot, serta terkebelakang. Dan jika di kalangan masyarakat dilontarkan *mabda'* yang bersifat saling bertentangan, maka akan nampak berbagai-bagai pertembungan; dan sentiasa diliputi

oleh kekacauan dalam konflik dan ketidakpastian. Jika di bawah tempayan itu diletakkan api yang membara dan marak, maka air akan dihangatkan, kemudian mendidih, lalu mengewap menjadi tenaga yang menggerakkan. Begitu juga keadaannya jika di tengah-tengah masyarakat dilontarkan *mabda'* yang benar, maka akan menghangatkan masyarakat dan kemudian membara, yang akhirnya mampu mengubah, menggerakkan serta mendorong masyarakat tersebut. Masyarakat inilah yang akan menerapkan *mabda'* tadi, sekaligus menyebarkannya kepada masyarakat yang lain, meskipun dijumpai perubahan daripada suatu keadaan kepada keadaan lain yang saling bertentangan. Proses perubahannya daripada satu keadaan kepada keadaan lainnya tidak dapat disaksikan, seperti keadaannya perubahan air di dalam tempayan yang tidak mampu diamati. Namun demikian bagi orang-orang yang sangat mengetahui keadaan masyarakat,

dan percaya bahawa *mabda'* yang dipikulnya itu ibarat api yang membakar dan cahaya yang memancarkan sinar, mereka akan mengetahui bahawa masyarakat itu sedang berproses menuju suatu perubahan, dan bahawa masyarakat itu suatu ketika pasti akan mencapai darjah mendidih/bergolak dan bergerak serta mendorong dan meledak. Oleh yang demikian, masyarakat mesti sentiasa mendapatkan perhatian daripada para pemikul dakwah.

Berdasarkan penjelasan di atas maka tempat yang layak untuk dijadikan titik sentral tidak dapat diketahui, kerana bergantung kepada kesediaan masyarakat, bukan semata-mata pada kekuatan dakwah. Dahulu, dakwah Islam di Mekah sangatlah kuat. Walaupun Mekah layak untuk dijadikan sebagai titik awal dan sangat sesuai dijadikan sebagai titik tolak dakwah, akan tetapi tempat tersebut tidak layak dijadikan sebagai titik sentral. Kenyataannya, yang menjadi titik

sentral adalah Madinah. Rasulullah SAW. berhijrah ke Madinah setelah baginda yakin dengan kesediaan masyarakatnya. Kemudian, di sana ditubuhkan *Daulah*, tempat di mana kekuatan dakwah bertolak menyebar luas ke seluruh jazirah Arab yang belum terjamah, barulah kemudian ke seluruh pelosok dunia.

Dengan demikian, dapat kita katakan bahawa pemikul dakwah tidak mungkin mengetahui tempat yang dapat dijadikan sebagai titik tolak dan titik sentral. Mereka tidak mungkin mengetahuinya meskipun dikurniakan kecerdasan dan kepandaian, serta memiliki daya analisis yang tajam. Yang mengetahui perkara ini hanyalah Allah SWT. Pemikul dakwah mesti menyandarkan dirinya hanya kepada Allah, dan menjadikan setiap perbuatannya terfokus hanya daripada keimanan ini, dan bukan kepada yang lainnya. Dengan keimanan kepada Allah dan tidak kepada yang lain, akan



diperoleh kejayaan dakwah.

Iman kepada Allah menuntut tawakkal yang sempurna, dengan sentiasa meminta pertolongan kepada Allah, kerana hanya Allah-lah yang mengetahui segala sesuatu, baik yang dirahsiakan mahupun yang tersembunyi. Dialah yang memberi taufiq dan petunjuk kepada pemikul dakwah, menunjuki mereka di jalan yang benar, dan jalan yang penuh hidayah. Keimanan itu mesti kuat disertai tawakkal yang sempurna kepada Allah dan sentiasa memohon pertolongan kepada Allah *Rabbul 'izati*. Keimanan menuntut seorang mukmin beriman terhadap *mabda'*, iaitu beriman kepada Islam, kerana Islam itu sendiri berasal daripada Allah. Keimanan ini juga yang menuntut kedalaman dan kekukuhan iman, tidak terdapat sedikitpun keraguan di dalamnya, bahkan tidak memberi peluang munculnya jalan-jalan yang dapat meragukan. Sebab, setitik keraguan terhadap *mabda'* tentu akan mendorong kepada suatu

kegagalan, malahan boleh jadi menyebabkan kekufuran dan perlawanan. Kita berlindung kepada Allah daripada perkara tersebut.

Iman yang kuat, yang di dalamnya tidak terbetik keraguan sedikitpun, merupakan suatu perkara yang wajib bagi pemikul dakwah, kerana hanya dengan iman seperti inilah yang akan mampu menjamin kelangsungan dakwah dengan langkah yang cepat dan panjang di jalan yang lurus. Iman seumpama ini menuntut dakwah bersifat terbuka dan mencabar segala sesuatu; menentang adat istiadat dan kebiasaan masyarakat, melawan pemikiran yang lama dan persepsi yang salah, bahkan menentang pendapat umum yang keliru, walaupun perkara ini dilakukan secara terang-terangan, menentang segala macam akidah dan agama-agama selain Islam, meskipun akibatnya akan menghadapi fanatisme para pengikutnya. Oleh yang demikian, dakwah yang

berlandaskan akidah Islam mempunyai ciri yang tegas, berani dan kuat, analitikal; serta menentang segala sesuatu yang berlawanan dengan *fikrah* dan *thariqah*, serta bersedia menghadapi dan menjelaskan kepalsuannya tanpa melihat lagi hasil mahupun situasi dan keadaannya. Begitu juga tanpa mempedulikan lagi apakah *mabda'* itu sesuai dengan keyakinan masyarakat atau malah bertentangan, apakah diterima, ditolak atau malah dilawan oleh masyarakat. Dengan demikian, pemikul dakwah tidak akan memihak kepada mana-mana bangsapun, ataupun bersikap kompromi. Dia tidak peduli lagi dengan beratnya menghadapi masyarakat dan para penguasa yang jahat, tidak bergaul dengan mereka, tidak berkias-kias atau bermanis muka. Namun demikian mereka tetap berpegang teguh terhadap *mabda'* tanpa memperhitungkan untung-ruginya, kecuali *mabda'* itu sendiri.

Iman seperti ini menuntut penempatan kedaulatan itu

hanya untuk *mabda'* semata, dengan kata lain hanya untuk Islam sahaja, bukan untuk yang lain. Dan menganggap *mabda'* selain Islam adalah kufur, apapun bentuknya dan sebanyak mana pun perbezaannya. Allah SWT berfirman:

﴿٢٠﴾... إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ..

“*Sesungguhnya agama (yang sah) di sisi Allah ialah Islam*”

[TMQ ali-‘Imran (3): 19].

Maka setiap orang yang tidak beriman kepada Allah adalah kafir menurut pandangan Islam. Oleh yang demikian, pemikul dakwah sama sekali tidak boleh mengatakan kepada penganut selain Islam, baik ia berbentuk agama mahupun berbentuk *mabda'* lain: “Pegang teguhlah *mabda'* dan agama kalian!” Yang semestinya dilakukan adalah menyeru mereka masuk Islam dengan jalan hikmah dan nasihat yang baik, supaya mereka meyakini Islam kerana dakwah menuntut para pemikulnya meletakkan kedaulatan hanya untuk Islam

sahaja. Membiarkan orang-orang non-muslim dalam agama dan keyakinannya, tidak bermakna sebuah pengakuan terhadap agama mereka, tetapi dalam rangka memenuhi perintah Allah, yang mewajibkan tidak adanya paksaan untuk memeluk Islam. Allah juga mewajibkan supaya membiarkan seseorang berada dalam keyakinan, agama, dan peribadatannya, selama dilakukan secara personal, bukan dalam hal ehwal publik. Mereka tidak diizinkan memiliki entiti tersendiri di dalam *Daulah* Islam. Oleh yang demikian, Islam melarang adanya parti-parti atau kumpulan-kumpulan politik yang tidak Islami, yang asasnya bertentangan dengan Islam. Islam hanya membolehkan kewujudan parti-parti atau kumpulan-kumpulan yang mengikuti ketentuan Islam. Demikianlah, iman terhadap *mabda'* menuntut adanya satu *mabda'* (Islam) sahaja dalam masyarakat, tidak bercampur dengan yang lainnya.

Iman terhadap Islam berbeza dengan pemahaman

terhadap hukum-hukum dan syariat Islam. Iman diperoleh melalui jalan akal atau dengan bukti-bukti yang terjangkau secara intelektual. Jadi, padanya tidak terdapat ruang untuk keraguan walaupun sedikit. Sedangkan pemahaman terhadap hukum Islam tidak hanya bergantung pada akal, tetapi diperlukan juga pengetahuan tentang bahasa Arab, kemampuan menggali hukum, dan pengetahuan terhadap hadis-hadis yang sahih mahupun yang *dha'if* (lemah). Berdasarkan perkara ini maka para pemikul dakwah hendaklah menganggap bahawa pemahaman mereka terhadap hukum-hukum syarak adalah pemahaman yang benar, meskipun ada kemungkinan salah. Begitu juga hendaklah menganggap pemahaman orang lain itu salah, meskipun ada kemungkinan benar. Perkara ini akan membuka peluang kepada mereka untuk berdakwah menyampaikan Islam dan hukum-hukumnya sesuai dengan pemahaman dan *istinbat* mereka

terhadap hukum-hukum tersebut. Hendaklah mereka cuba mengubah pemahaman orang lain yang dinilai salah, meskipun ada kemungkinan benar; lalu dialihkan supaya mengikuti pemahamannya, iaitu pemahaman yang dianggapnya benar, meskipun ada kemungkinan salah. Berdasarkan perkara ini, pemikul dakwah tidak boleh mengatakan mengenai pendapatnya, bahawa pendapat ini adalah pendapat Islam. Yang semestinya mereka katakan adalah pendapat ini merupakan pendapat yang Islami. Para pemuka mazhab daripada kalangan *mujtahidin* menganggap bahawa *istinbat* mereka terhadap hukum-hukum syarak adalah benar, namun ada kemungkinan salah. Mereka masing-masing selalu mengatakan:

((إذا صح الحديث فهو مذهبي واضربوا بقولي عرض

الحائط))

“Apabila hadis tersebut benar (*sahih*) itulah mazhabku dan

*buanglah pendapatku”.*

Pemikul dakwah mesti menganggap bahawa pendapat yang ditentukannya atau yang telah mereka usahakan dan sampai pada pendapat yang dipilihnya itu berasal dari Islam dan sesuai dengan apa yang mereka fahami, dan itu adalah pendapat yang benar meski ada kemungkinan salah. Sementara itu, keimanannya terhadap Islam dari sudut akidah pula tidak mengandungi apa-apa keraguan. Para pemikul dakwah menganggap pendapatnya seperti ini kerana dakwah menumbuhkan dalam diri mereka usaha menuju kesempurnaan. Dakwah juga menuntut mereka membetulkan kembali secara terus-menerus hakikat kebenaran, serta sentiasa menilai setiap perkara yang mereka ketahui dan fahami, sehingga dapat menjernihkan pemahaman mereka daripada sebarang idea asing(bukan daripada Islam) dan membersihkan pemahaman Islam daripada sebarang idea yang berpontensi



dianggap sebahagian daripadanya sekiranya ia tetap menghampirinya. Semua itu dilakukan supaya pemahaman mereka tetap dalam kebenaran, dan *fikrah*-nya tetap mendalam, jernih dan bersih. Dengan jernih dan bersihnya *fikrah*, membolehkan aktiviti dakwah dilakukan. Sebab, kejernihan *fikrah* dan kejelasan *thariqah* dakwah adalah satu-satunya jaminan meraih kejayaan sekaligus mampu menjaga kejayaan.

Meskipun demikian, membetulkan kembali secara terus menerus hakikat kebenaran, serta sentiasa menilai setiap perkara yang mereka ketahui dan fahami, bukan bermakna pemahaman mereka tidak kukuh. Bahkan pemikiran tersebut mesti menjadi kekal kukuh, kerana dihasilkan daripada pemikiran yang mendalam, dan pemahaman tersebut lebih kukuh berbanding pemahaman-pemahaman yang lain. Para pemikul dakwah mesti selalu waspada terhadap dakwahnya dan terhadap

pemahaman mereka tentang dakwah. Mereka juga mesti sentiasa berhati-hati terhadap fitnah orang-orang yang ingin memalingkan mereka dari pemahamannya. Fitnah semacam ini amat berbahaya dalam dakwah. Allah mengingatkan Nabi saw. akan fitnah semacam ini.

وَاحْذَرُهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ... ﴿٤٩﴾

*“Berhati-hatilah kamu terhadap mereka supaya supaya mereka tidak memalingkan kamu daripada sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu” [TMQ al-Maidah (5): 49].*

Saidina Umar ra. telah berpesan kepada *qadhi* Syuraih, supaya merujuk kepada kitabullah dan berkata:

((ولا يلفتك عنه الرجال))

*“Janganlah mereka memalingkanmu dari kitab Allah.”*

Jadi, pemikul dakwah mesti selalu waspada terhadap ucapan yang mungkin muncul daripada orang-orang yang ikhlas, atau pendapat yang dianut oleh seseorang yang selalu

memerhatikan dakwah dan menyampaikannya dengan dalih masalah, sedangkan pendapatnya bertentangan dengan Islam. Hendaklah mereka waspada terhadap perkara seperti ini dan tidak memberi peluang kepada sesiapaupun untuk berbuat demikian, kerana perkara seperti itu adalah bentuk kesesatan yang nyata. Mesti dibezakan antara dakwah untuk mengajak masuk Islam dan dakwah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam. Juga, mesti dibezakan antara dakwah yang dipikul oleh jama'ah di kalangan umat, seperti *kutlah* Islam, dengan dakwah yang dipikul oleh *Daulah* Islam.

Perlunya membezakan antara dakwah menyeru kepada Islam dengan dakwah mengembalikan semula kehidupan Islam, tidak lain untuk mengetahui tujuan yang hendak dicapai oleh dakwah. Perbezaan antara keduanya adalah bahawa dakwah mengajak masuk Islam ditujukan kepada non-muslim. Mereka diseru untuk memeluk dan masuk ke pangkuan Islam. Kaedah

praktikal dakwah kepada mereka dilakukan dengan menerapkan hukum-hukum Islam di kalangan mereka oleh *Daulah* Islam, sehingga mereka melihat cahaya Islam. Mereka diseru dengan menjelaskan akidah serta hukum-hukum Islam, sampai mereka dapat mengetahui keagungan Islam. Maka daripada itu, sudah menjadi kemestian bahawa dakwah menyeru kepada Islam mesti dilakukan oleh *Daulah* Islam.

Manakala dakwah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam wajib dipikul oleh *kutlah*, bukan individu. Dakwah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam ditujukan kepada masyarakat yang individu-individunya majoriti muslim, tetapi menerapkan hukum selain Islam. Masyarakat yang demikian ini digolongkan sebagai masyarakat yang tidak Islami, sehingga layak disebut sebagai *Darul Kufur*. Dakwah di kalangan masyarakat seperti ini dilakukan dalam rangka menubuhkan *Daulah Islam* yang akan

menerapkan Islam di dalam masyarakat tersebut, serta membawa dakwah kepada masyarakat lainnya (non-Islam). Ini dilakukan apabila tidak ada *Daulah Islam*. Apabila di dunia ada *Daulah Islam* yang menerapkan Islam secara sempurna, maka dakwah dilakukan untuk menggabungkan wilayah-wilayah menjadi wilayah *Daulah Islam*, lalu diterapkan Islam di dalamnya, serta dijadikan sebahagian daripada *Daulah Islam* yang membawa dakwah Islam, sehingga menjadi masyarakat Islam. Dengan demikian wilayah tersebut boleh disebut *Darul Islam*. Perkara ini kerana seorang muslim tidak diperbolehkan hidup di *Darul Kufur*, bahkan wajib ke atasnya apabila negara tempat dia tinggal —yang asalnya *Darul Islam*— telah menjadi *Darul Kufur*, maka wajib berjuang untuk mungubahnya semula menjadi *Darul Islam*, atau berhijrah ke *Darul Islam*.

Mengenai perlunya membezakan antara dakwah yang

dipikul oleh jemaah, di kalangan umat Islam, dengan dakwah yang dipikul oleh *Daulah Islam* adalah untuk mengetahui bentuk-bentuk aktiviti yang dilakukan para pemikul dakwah. Dakwah yang dipikul *Daulah Islam* akan menonjolkan aspek praktikalnya, iaitu penerapan Islam secara total dan sempurna, sehingga kaum Muslimin menikmati kebahagiaan di dalamnya. Begitu juga kalangan non-muslim yang hidup dibawah naungan dan lindungan *Daulah Islam*, dapat melihat cahaya Islam, yang pada akhirnya mereka akan berbondong-bondong masuk Islam secara suka rela, tanpa paksaan, penuh kerelaan dan ketenteraman. *Daulah Islam* juga akan membawa dakwah keluar wilayah Islam, bukan hanya dengan cara menyeru dan menjelaskan hukum-hukum Islam sahaja, tetapi dengan mempersiapkan kekuatan ketenteraan untuk berjihad *fi sabilillah*. Selain itu, juga untuk menerapkan hukum-hukum Islam di negeri-negeri yang baru sahaja dibuka, dengan

prinsip bahawa penerapan hukum atas mereka adalah usaha dakwah yang bersifat praktikal. Metodologi tersebut telah digunakan oleh Rasulullah SAW yang disambung oleh para khalifah sesudahnya, hingga masa-masa terakhir *Daulah Islamiyah*. Jadi, dakwah yang dipikul oleh *Daulah* lebih bersifat melaksanakan syariat Islam secara praktikal, baik di dalam mahupun di luar wilayah *Daulah*.

Sedangkan dakwah yang dipikul oleh suatu jemaah atau *kutlah* berbentuk aktiviti *fikriyah* (pemikiran), bukan aktiviti-aktiviti yang lain. Jadi, *kutlah* dakwah melakukan aktiviti dalam aspek pemikiran, bukan dalam aspek *amaliyah* (praktikal). *Kutlah* dakwah terus melakukan aktiviti seumpama ini, sebagaimana yang dituntut hukum syarak, sampai terwujudnya *Daulah Islamiyah*. Setelah itu, barulah dilakukan menerapkan Islam secara praktikal oleh *Daulah*. Dakwah yang diserukan *kutlah* kepada kaum Muslimin tidak

lain adalah untuk memberi kefahaman Islam, supaya mereka mampu mengembalikan semula kehidupan Islam, di samping berjuang melawan setiap unsur yang merintang dakwah dengan cara-cara yang dituntut oleh perjuangannya.

Kehidupan Rasulullah SAW di Mekah perlu dijadikan model dan langkah dalam berdakwah. Dakwah dimulakan dengan aktiviti pengkajian dan pemahaman *tsaqafah* Islam yang disertai dengan melaksanakan kewajiban-kewajiban Islam, serupa dengan keadaan di *Darul Arqam*. Kemudian orang-orang mukmin dan jujur yang telah mempelajari dan memahami Islam dengan ikhlas beralih ke fasa berikutnya, iaitu *tafa'ul* (berinteraksi) dengan umat, sehingga umat dapat memahami Islam dan mengerti kemestian terwujudnya *Daulah Islam*. Kumpulan dakwah hendaklah terjun ke dalam masyarakat dengan memaparkan kerosakan-kerosakan masyarakat, mengkritik dan mencabar pemahaman-



pemahaman mereka yang salah, serta pendapat-pendapat mereka yang rosak. Kumpulan dakwah hendaklah juga menjelaskan hakikat Islam kepada umat dan inti daripada dakwahnya, supaya terbentuk kesedaran secara umum terhadap dakwah. Para pemikul dakwah mesti menjadi sebahagian daripada masyarakat manakala umat perlu bersama mereka dan menjadi sebuah kesatuan yang tidak boleh dipisahkan. Dengan demikian umat secara keseluruhan akan berusaha secara produktif di bawah kepimpinan *kutlah* dakwah sehingga kekuasaan diraih dan *Daulah Islam* kembali tertegak. Pada ketika itulah, dakwah mulai meneladani kehidupan Rasulullah SAW di Madinah dalam penerapan Islam dan pengembangan dakwah. *Kutlah* Islam yang membawa dakwah tidak perlu terlibat dengan aspek *amaliyah* (praktikal) Islam, dan hendaklah tidak disibukkan oleh perkara lain kecuali dakwah. Melakukan aktiviti-aktiviti selain dakwah

akan mengalihkan fokus dan memperlambat dakwah. Oleh yang demikian, tidak diperbolehkan menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti(praktikal) tersebut sama sekali. Ketika Rasulullah SAW. menyerukan Islam di Mekah yang penuh dengan bermacam jenis kefasikan/kemaksiatan dan kekejian, baginda tidak mengambil sebarang tindakan (fizikal) untuk menghilangkannya. Demikian juga dengan pelbagai bentuk kezaliman, penyelewengan, kefakiran, dan kemiskinan yang nampak secara nyata. Tidak terdapat bukti bahawa baginda melakukan langkah-langkah praktikal untuk menghapuskan semua itu. Begitu juga berhala-berhala yang ada di sekeliling dan di atas Kaabah tetap berdiri, dan tidak terbukti baginda berusaha memusnahkannya. Apa yang dilakukan baginda hanya mencela tuhan-tuhan mereka, menganggap dungu akal fikiran mereka dan merendahkan perbuatan mereka. Baginda hanya membatasi diri dengan

ucapan dan aspek pengembangan pemikiran semata-mata. Namun, ketika setelah *Daulah* tertubuh dan kota Mekah berjaya dikuasai, tidak satu pun berhala-berhala tersebut dibiarkan. Demikian juga pembasmian terhadap bermacam-macam jenis kefasikan, kederhakaan, kezaliman, penyelewengan, kefakiran, dan kemiskinan tidak satu pun baginda tinggalkan.

Oleh kerana itu, tidak diperbolehkan bagi suatu *kutlah* yang membawa dakwah —sebagai sebuah *kutlah*— untuk melakukan aktiviti lain, selain dakwah. Hendaklah *kutlah* tersebut menghadkan aktiviti dalam aspek pemikiran dan dakwah. Meskipun demikian, tidak ada larangan bagi individu-individu atau ahli suatu *kutlah* dakwah untuk mengerjakan aktiviti sosial atau kemasyarakatan. *Kutlah* dakwah tidak diperkenankan melakukannya, kerana tugasnya tidak lain adalah menubuhkan *Daulah* Islam supaya dapat membawa dakwah ke seluruh dunia.

Walaupun sudah menjadi kewajiban untuk meneladani kehidupan Rasulullah SAW di kota Mekah selari dengan perilaku kehidupan mereka, tetapi perlu membezakan antara dakwah menyeru penduduk Mekah kepada Islam dengan dakwah menyeru kaum Muslimin untuk mengembalikan semula kehidupan Islam. Ketika itu beliau menyeru orang-orang kafir untuk beriman, sedangkan dakwah pada masa kini adalah menyeru kaum Muslimin untuk memahami Islam dan mengamalkannya.

Oleh yang demikian, sebuah *kutlah* dakwah tidak boleh memperbezakan dirinya dengan umat, tempat di mana ia hidup bersama-sama di dalamnya. Bahkan kumpulan dakwah tersebut mesti menjadikan dirinya sebahagian daripada umat. Hal ini kerana kaum Muslimin adalah sama seperti mereka. Mereka tidak lebih tinggi kedudukannya daripada kaum Muslimin, meskipun merekalah

yang memberikan pemahaman Islam dan beraktiviti untuk umat. Mereka juga yang membawa kepentingan kaum Muslimin, dan membawa tanggungjawab di hadapan Allah yang lebih berat untuk membela kepentingan kaum Muslimin dan Islam. Para pemikul dakwah mesti memahami bahawa tanpa umat kewujudan mereka tidak ada maknanya, meskipun jumlahnya ramai. Wajib juga menjauhkan *kutlah* daripada perbuatan, perkataan ataupun isyarat-isyarat lain yang memberi kesan pemisahan *kutlah* daripada umat dalam segala aspek, baik itu kecil mahupun besar. Hal ini kerana perkara tersebut dapat menjauhkan umat dari *kutlah* dakwah, serta dapat menimbulkan halangan bagi *kutlah* di kalangan masyarakat yang sedang mengalami masalah sedia ada lalu mencegah kebangkitan. Sesungguhnya umat merupakan satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan, di mana *kutlah* berdiri untuk menubuhkan *Daulah*. Mereka (*kutlah*) akan tetap menjaga

Islam di kalangan umat dan *Daulah*. Mereka tetap mengawasi tubuh umat jika terdapat kemunduran. Mereka akan sentiasa membangunkan keimanan dan kecerdasan umat. Mereka sentiasa memerhatikan setiap penyimpangan dalam *Daulah*, bersama-sama dengan umat untuk meluruskannya selari dengan apa yang telah diwajibkan oleh Islam. Berdasarkan perkara ini dakwah Islam yang dikembangkan oleh sebuah *kutlah* akan berjalan di jalurnya secara tabii dengan perjalanan yang sempurna.

Tujuan *kutlah* adalah mengembalikan semula kehidupan Islam di negeri-negeri Islam dan menyebarkan dakwah Islam ke seluruh dunia. Kaedah yang digunakan untuk mencapai perkara ini ialah melalui pemerintahan/kekuasaan. Dan metodologi untuk mencapai kekuasaan adalah dengan mempelajari dan memahami Islam, membina masyarakat dengan Islam dengan pembinaan yang produktif,

yang mampu mewujudkan mentaliti (*aqliyah*) dan perwatakan (*nafsiyah*) yang Islami, sehingga terbentuk keperibadian Islam (*syakhsiyah Islamiyah*). Selain itu, *kutlah* juga berinteraksi pada umat dengan cara memberikan pemahaman Islam kepada mereka, menanamkan pengertian tentang hakikat kemaslahatan mereka, dan bagaimana Islam memberi penyelesaian kepada kemaslahatan tersebut, menjamin hak-hak mereka serta memilih dan menentukan kepentingan umat. Aktiviti berinteraksi dan berjuang di jalan dakwah dilakukan seiring dengan aktiviti pengkajian. Dengan ini dapat difahami bahawa aktiviti *kutlah hizbiyah* (kumpulan parti) merupakan aktiviti politik (*'amal siyasah*). Berdasarkan perkara ini maka ciri yang paling menonjol dalam *kutlah* ini adalah aspek politiknya, kerana politik merupakan metodologi praktikal yang pertama yang diusahakan dalam dakwah mengajak kepada Islam. Perkara ini tidak bermakna

dakwah terbatas pada aspek politik sahaja, atau hanya memfokuskan kegiatan untuk meraih kekuasaan semata-mata. Akan tetapi perkara utama yang semestinya dilakukan adalah mengajak kepada Islam; dan melakukan perjuangan politik untuk mencapai kekuasaan secara sempurna dalam rangka mewujudkan *Daulah Islam*, yang akan menerapkan Islam dan mengembangkan dakwah Islam. Oleh yang demikian, sebuah *kutlah* dakwah tidak dibolehkan bersifat *ruhiyah* (ritual), atau *kutlah* yang mementingkan aspek akhlak semata-mata; bukan juga *kutlah ilmiah* (pengkajian), mahupun *kutlah* yang bersifat *ta'limiyah* (pendidikan), dan yang sejenisnya. Bahkan sebuah *kutlah* dakwah wajib bersifat *siyasi* atau politik.

**Hizbut Tahrir** -selaku parti Islam- adalah parti politik yang bergerak di lapangan politik, serta melakukan aktiviti pembinaan umat dengan *tsaqafah* Islam, yang sangat menonjol aspek politiknya. Hizbut Tahrir menentang dan



membongkar apa yang dilakukan para penjajah dan para agen serta kakitangannya ketika mereka menghalangi para pelajar dan pegawai terlibat dalam politik, serta memalingkan sejauh-jauhnya masyarakat secara umum daripada politik. Hizbut Tahrir memandang bahawa masyarakat wajib mengetahui dan memahami politik, dan perlu melakukan pembinaan politik (*at-tarbiyyah as-siyasah*) pada umat. Aktiviti politik yang dimaksudkan di sini bukan hanya menjelaskan bahawa Islam merangkumi juga masalah politik, atau menjelaskan bahawa asas pemikiran politik dalam Islam itu begini dan begitu. Tetapi, yang dimaksudkan dengan politik adalah pengaturan dan pemeliharaan urusan umat secara keseluruhan, baik di dalam mahupun di luar negara; di mana semua itu mesti bertindak selari dengan aturan Islam, bukan yang lain. Perkara ini dilakukan oleh negara, sedangkan umat berkewajipan menasihati dan meluruskan negara dalam

pelaksanaan tugas-tugasnya.

Supaya perkara di atas terlaksana, mahu tidak mahu mesti ada *hizb* (parti) yang bertanggungjawab dalam perkara ini di kalangan umat, sehingga setelah adanya *Daulah Islam* nanti. Oleh yang demikian, dakwah mengajak kepada Islam mesti disertai penjelasan kepada umat tentang hukum-hukum syarak yang akan menyelesaikan masalah kehidupan, serta menuntut penerapan hukum Islam sahaja, dan berjihad melawan para penjajah kafir sekaligus mencabut mereka daripada akarnya, juga membentaras kakitangan dan agen kafir yang membawa kepemimpinan berfikir penjajah dan ideologinya, mahupun yang mengembangkan aspek politik dan pemikirannya.

Membawa dakwah Islam dan berjuang secara politik dalam masyarakat, menuntut sebuah *hizb* (parti) menentukan wilayah gerakannya (*majal*). Hizbut Tahrir menganggap bahawa masyarakat di seluruh dunia Islam adalah masyarakat

yang satu kerana masalah yang dihadapi oleh mereka adalah sama, iaitu bagaimana mengembalikan semula Islam ke dalam umat. Namun demikian, Hizbut Tahrir telah menentukan titik awal (dakwah)-nya di negara-negara (*bilad*) Arab, yang merupakan sebahagian dari negara-negara (*bilad*) Islam, dan berpendapat bahawa menubuhkan *Daulah Islam* di negeri-negeri Arab merupakan benih unggul bagi *Daulah Islam*. Perkara ini telah menjadi langkah yang wajar.

Masyarakat di negara-negara Islam sekarang berada pada keadaan politik yang paling buruk, kerana pada hakikatnya masih dikuasai dan dijajah oleh negara-negara Barat, walaupun pemerintahannya nampak seakan-akan berdiri sendiri. Mereka tunduk di bawah *qiyadah fikriyah* (kepemimpinan berfikir) demokrasi-kapitalis, dengan ketundukan yang membabi-buta. Sistem demokrasi diterapkan pada masyarakat, baik dalam aspek pemerintahan

mahupun politik. Dalam bidang ekonomi diterapkan sistem ekonomi kapitalis; sedangkan bidang ketenteraan bergantung pada negara asing (Barat), baik dari segi persenjataan, latihan-latihan ketenteraan, mahupun perkara yang berkaitan teknikal serta kepakaran ketenteraan. Manakala di bidang politik luar, negara sentiasa mengekori politik penjajah asing. Oleh yang demikian, kita dapat menyatakan bahawa negara-negara Islam adalah negara yang belum bebas daripada penjajahan. Memang para penjajah tidak lagi bertapak di negara-negara Islam, akan tetapi para penjajah secara hakikatnya masih menguasai bidang ketenteraan, politik, ekonomi, kebudayaan, dan mengeksploitasi bangsa-bangsa lemah yang dijajahnya. Mereka menggunakan seluruh kekuasaannya untuk memaksakan kepemimpinan ideologinya dan memantapkan segala pandangannya dalam kehidupan politik. Bentuk penjajahan itu berbeza-beza, termasuk di antaranya

adalah penggabungan negara-negara yang dikalahkan dalam peperangan menjadi sebahagian daripada wilayah negara-negara penjajah, dan membangunkan koloni-koloni baru; begitu juga membentuk pemerintahan yang dikatakan merdeka, padahal kenyataannya tunduk di bawah hegemoni penjajah. Perkara ini merupakan kenyataan yang terjadi dan menimpa negara-negara Islam. Secara keseluruhan negara-negara Islam ini tunduk di bawah pengaruh dan kekuasaan Barat. Dalam bidang kebudayaan pemikiran (*tsaqafiyah*) negara-negara Islam sentiasa bertindak selari dengan apa yang telah diprogramkan para penjajah Barat. Walaupun ia tunduk di bawah kekuasaan dan pengaruh penjajah Barat, tetapi pada waktu yang sama negara-negara Islam juga menjadi sasaran Kesatuan Soviet pada ketika itu. Perkara itu dilakukan melalui para agen kakitangannya yang menanamkan pemikiran sosialisme kepada masyarakat. Mereka ingin menjadikan

ideologi tersebut sebagai *qiyadah fikriyah* dan pandangan hidup masyarakat, dengan cara mendakwahkan *mabda'* sosialisme.

Oleh yang demikian, negara-negara Islam telah menjadi jajahan negara-negara Barat dan objek permainan kepemimpinan ideologi asing. Negara-negara Islam juga menjadi sasaran Kesatuan Soviet ketika itu, dan menjadi sasaran untuk diperangi dan dikuasai. Bahkan tidak sekadar menjajah, mereka juga menguasai dan mengubah negeri-negeri Islam menjadi negeri-negeri komunis; dan juga mengubah masyarakatnya secara keseluruhan menjadi masyarakat komunis, sekaligus membasmi segala peninggalan yang berbaur Islam. Apabila runtuhnya Kesatuan Soviet, lenyap juga semua itu, meskipun masih terdapat sebahagian parti yang menyerupai parti komunis di negara Islam, tapi tidak memiliki pengaruh. Maka dengan demikian, melakukan aktiviti politik untuk melawan penjajahan pada

masa kini merupakan kemestian. Perkara ini dilakukan untuk memerangi kepemimpinan ideologi asing dan sentiasa mengawasi bahaya serangan asing yang ditujukan ke atas negara-negara(*bilad*) Islam. Membawa dakwah secara benar dilakukan dengan melawan bahaya kepemimpinan berfikir asing. Oleh yang demikian, perlawanan terhadap penjajahan asing wajib dijadikan sebagai *hijru az-zawiyah* (sudut asas) dalam perjuangan politik.

Perjuangan politik menuntut tidak adanya permintaan bantuan daripada mana-mana negara asing dalam apa jua bentuk pun. Setiap usaha meminta bantuan politik daripada mana-mana negara asing dan setiap propaganda untuk mereka, merupakan pengkhianatan terhadap umat. Perjuangan politik menuntut kita untuk berusaha untuk membina kekuatan dalaman dunia Islam dengan bebas daripada kebergantungan kepada kuasa asing, sehingga mampu menjadi

kekuatan global, yang memiliki ciri yang khas, sekaligus menjadi masyarakat yang bermartabat dan mulia. Kekuatan inilah yang akan merebut kembali peranan dan kepemimpinan daripada dua kekuatan ketenteraan (Barat dan Timur), untuk menyebarkan dakwah Islam ke seluruh dunia dan memimpin dunia secara keseluruhan. Perjuangan politik juga menuntut adanya penentangan terhadap sistem kehidupan, undang-undang dan peraturan Barat, serta segala bentuk ketetapan penjajah. Wajib juga menolak seluruh program-program dan rencana yang telah dibuat oleh Barat, terutama yang dilakukan oleh British dan Amerika, baik program-program teknikal dan kewangan, ataupun pelbagai macam rencana politik. Begitu juga wajib menentang tamadun (*hadharah*) Barat secara mutlak. Perkara ini tidak bermakna menghilangkan segala bentuk *madaniah* atau sains dan teknologi, kerana *madaniah* dapat diambil apabila perkara



tersebut merupakan hasil daripada sains dan teknologi. Wajib juga mencabut *al-qiyadah al-fikriyah* (kepemimpinan berfikir) asing daripada akar-akarnya. Juga wajib membuang *tsaqafah* asing apabila perkara ini bertentangan dengan pandangan hidup Islam, kecuali ilmu pengetahuan (sains), kerana sains bersifat universal. Bahkan sains perlu diambil daripada mana-mana sahaja, kerana sains merupakan salah satu sebab di antara sebab-sebab kemajuan materialistik dalam kehidupan.

Perjuangan politik menuntut kita mengetahui bahawa para penjajah barat, terutama British dan Amerika, selalu memberikan sokongan di negara-negara jajahannya, kepada kakitangannya daripada kumpulan yang menjaga *status quo*, kumpulan propaganda, dan kumpulan yang berkuasa untuk mempropagandakan dasar politik dan kepemimpinan ideologinya. Dengan cepat mereka menawarkan bantuan kepada agen-agennya di pelbagai negara

untuk membendung *harakah* (gerakan) Islam. Mereka membantu dengan harta dan bantuan lainnya, di samping menggunakan seluruh kekuatan yang diperlukan untuk memberantas *harakah* Islam. Para penjajah beserta para kakitangannya membentuk dan menyebarluaskan panji dan propaganda untuk menentang gerakan pembebasan Islam, dan melontarkan bermacam-macam tuduhan, antara lain: *harakah* tersebut adalah upahan para penjajah yang selalu merangsang rusuhan di dalam negara dan berusaha menghimpunkan serta mengajak seluruh dunia untuk melawan kaum Muslimin; bahawa gerakan tersebut juga bertentangan dengan Islam; serta tuduhan-tuduhan lain yang serupa. Berdasarkan perkara ini para pemikul dakwah mesti menyedari strategi politik penjajah dengan berbagai-bagai caranya, sehingga mereka dapat mengungkap rencana-rencana penjajah, baik di dalam mahupun di luar negara pada waktunya.

Ini kerana membongkar rencana penjajah merupakan salah satu sisi penting daripada bentuk perjuangan politik.

Oleh yang demikian Hizbut Tahrir melakukan aktiviti untuk membebaskan dunia Islam daripada penjajahan secara keseluruhan. Hizbut Tahrir "memerangi" penjajah dengan peperangan tanpa ragu-ragu; tidak hanya menuntut supaya penjajah keluar dari negara-negara (*bilad*) Islam, dan tidak hanya menuntut kemerdekaan yang palsu. Bahkan Hizbut Tahrir berusaha untuk mencabut keadaan yang dicipta oleh penjajah kafir sehingga akar-akarnya, iaitu dengan membebaskan negara-negara(*bilad*) Islam, lembaga-lembaga pendidikan, dan pemikiran umat daripada pelbagai bentuk pengaruh dan penjajahan; baik itu penjajahan ketenteraan, ideologi, kebudayaan (*tsaqafiyah*), ekonomi, dan sebagainya. Hizbut Tahrir juga “memerangi” siapa sahaja yang membela berbagai bentuk penjajahan, hingga berhasil

mengembalikan semula kehidupan Islam dengan menubuhkan kembali *Daulah Islam*, yang akan membawa risalah Islam ke seluruh dunia. Hanya kepada Allah kami memohon dan hanya kepada-Nya kami berdoa, semoga Dia berkenan memberikan pertolongan-Nya kepada kami dalam membawa tugas besar ini. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengabulkan.

## **HIZBUT TAHRIR**

Hizbut Tahrir adalah parti politik yang berideologi Islam. Bercita-cita untuk mengembalikan semula kehidupan Islam melalui penubuhan *Daulah Islam*, yang akan menerapkan sistem Islam serta menyebarkan

dakwah ke seluruh dunia. Hizbut Tahrir juga telah mempersiapkan *tsaqafah* khusus untuk gerakan yang berbentuk hukum-hukum Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Hizbut Tahrir menyerukan Islam sebagai *qiyadah fikriyah* (kepemimpinan berfikir), yang melahirkan sistem-sistem, yang dapat menyelesaikan pelbagai permasalahan manusia secara keseluruhan, tidak kira masalah dalam bidang politik, ekonomi, budaya, kemasyarakatan dan lain-lain. Hizbut Tahrir adalah parti politik yang ahlinya terdiri daripada kalangan lelaki dan wanita. Hizbut Tahrir menyerukan Islam kepada seluruh lapisan masyarakat, supaya mereka terikat dan mengambil *mafahim*(pemahaman/ konsep) dan sistem Islam. Hizbut Tahrir memandang mereka dengan pandangan Islam, walaupun mereka terdiri daripada berbagai-bagai suku dan mazhab. Hizbut Tahrir melakukan interaksi perjuangan

bersama-sama umat untuk meraih apa yang dicita-citakannya. Hizbut Tahrir menentang penjajahan dalam segala bentuk dan istilahnya, untuk membebaskan umat daripada *qiyadah fikriyah* penjajah, dan mencabutnya dari akar-akarnya; baik aspek budaya (*tsaqafiyyah*), politik, ketenteraan, ekonomi, dan sebagainya, dari negara-negara kaum Muslimin. Hizbut Tahrir berjuang mengubah *mafahim* yang telah tercemari oleh penjajah, yang membatasi Islam hanya pada aspek ibadah dan akhlak semata-mata.